Pelita Brunei

DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

TAHUN 23 BILANGAN 7 | RABU 15HB. FEBRUARI, 1978. | رابو 7 ربيع الاول 1398 | PERCHUMA

Pengarah Pelajaran, Awang Ahmad (kanan) dan Penyusun Pelajaran Dewasa, Awang Haji Umar sedang menyaksikan berbagai buku pelajaran berdagangan yang di-pamerkan sempena majlis perasmian itu.

LEBEH 23,000 AKAN SERTAI PERARAKAN MAULUD NABI

BANDAR SERI BEGAWAN. — Lebeh dari 23,000 orang peserta dari 110 buah pasokan akan mengambil bahagian dalam perhimpunan dan perarakan bersempena menyambut kelahiran junjongan kita Nabi Muhammad s.a.w. di-sini pada hari Isnin depan.

Mereka itu ada-lah mewakili persatuan2 belia dan kebajikan, sekolah2 dan maktab2, kampong2 dan jabatan2 Kerajaan serta firma2.

Peserta2 pada mulanya akan berkumpul di-Padang Besar untok mendengar uchapan2 dan sharahan2 mengenai riwayat hidup Nabi Muhammad s.a.w. Sa-telah itu, pasokan2 akan berarak mengelilingi Bandar Seri Begawan. Perarakan sajauh dua batu itu akan melalui Jalan2 Elizabeth II, Stoney, Sumbiling Lama, Kumbang Pasang, Sekolah, Tasek Lama, Sungai Kianggeh, Sultan, MacArthur dan Chevalier sa-belum berkumpul sa-mula di-padang tersebut.

Saperti tahun lalu, liputan sambutan pada tahun ini juga akan di-siarkan sa-chara langsong melalui Radio Talivishen Brunei.

Pada hari itu, sambutan yang sama juga akan di-adakan di-Pekan Bangar, Temburong sementara sambutan2 di-Daerah2 Belait dan Tutong akan di-adakan pada hari Ahad 26hb Februari.

Sa-lain dari perhimpunan dan perarakan, beberapa achara juga telah di-susun untok menyambut hari keputeraan Nabi Besar kita Muhammad s.a.w. pada tahun ini. Antara -nya ialah majlis berzikir di-masjid2 dan satu ranchangan khas yang di-berinama Latar Belakang telah di-siarkan melalui Radio dan Talivishen mulai minggu lalu.

Kursus Bimbingan bagi Guru2 Perdagangan bermula

BANDAR SERI BEGAWAN.—Sa-ramai 45 orang guru Kelas Perdagangan — Trengkas dan Menaip di-negeri ini akan menghadhiri Kursus Bimbingan Pelajaran Perdagangan mulai minggu ini.

Kursus itu telah di-rasmikan oleh Pengarah Pelajaran Brunei, Awang Ahmad bin Haji Jumat pada pagi Ahad yang baru lalu bertempat di-Dewan Sekolah Melayu Pusar Ulak.

Kursus itu juga akan di-jalankan dalam tiga kumpolan yang tiap2 kumpolan mengandongi 15 orang guru kelas perdagangan yang belum terlateh untok mengikuti-nya.

Antara lain tujuan kursus itu di-adakan ia-lah untok menitik-beratkan chara2 mengajar kelas perdagangan kapada guru2 di-negeri ini di-samping meninggikan mutu ilmu perdagangan kapada penuntut2.

Sa-ramai 15 orang guru akan mengikuti kursus itu dalam kumpolan pertama sa-lama 10 minggu yang telah bermula pada 12hb Februari lalu dan akan berakhir pada 30hb April depan. Kumpolan kedua pula akan mengikuti kursus pada 8hb Mei dan berakhir pada 26hb Julai, manakala kumpolan ketiga akan berkursus pada 13hb September dan berakhir pada 28hb Nobember.

Kesemua mereka yang akan mengikuti kursus tersebut ada-lah terdiri dari guru2 kelas perdagangan aliran Melayu yang tinggal di-Daerah Brunei/Muara, manakala sa-lebeh-nya dari sa-ramai lebeh 100 orang guru kelas tersebut akan di-jangka mengikuti kursus sa-rupa pada tahun hadapan.

Di-sepanjang mengikuti kursus itu, guru2 itu juga akan di-ajar dalam beberapa mata pelajaran termasok teknik2 dan chara2 mengajar perdagangan, saikoloji, pentadbiran dan sejarah trengkas oleh sembilan orang guru kelas perdagangan yang terlateh.

Kursus tersebut akan berjalan sa-lama lima hari dalam sa-minggu, kechuali hari Jumaat dan Ahad di-sebelah malam mulai jam 7.00 hingga 9.00 bertempat di-Dewan SM Pusar Ulak.

Melahirkan sa-orang Puteri

MENJUNJONG Sabda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Sir Muda Omar Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddin dengan amat sukachita di-umomkan bahawa dengan izin Allah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Nora'in ibni Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Sir Muda Omar Ali Saifudddin Sa'adul Khairi Waddin, isteri kapada Yang Amat Mulia Pengiran Maharaja Lela Sahibul Kahar Pengiran Anak Yusof telah selamat melahirkan sa-orang puteri pada hari Isnin 12hb Februari 1978, jam 3.10 pagi.

Bangunan2 haram: Tindakan tegas akan di-ambil

BANDAR SERI BEGAWAN. — Bangunan2 yang di-bena dalam kawasan2 Kawalan Kemajuan tanpa mendapat kebenaran dari Pehak Berkuasa Kawalan Kemajuan akan di-roboh.

Sa-bagai tambahan, bekalan letrik dan ayer juga tidak akan di-bekalkan sahingga semua sharat2 yang tertentu di-patohi.

Ini ada-lah terkandong dalam kenyataan yang di-keluarkan oleh Pehak Berkuasa Kawalan Kemajuan berikutan dengan bertambah-nya bilangan orang2 yang membuat kemajuan2 tanpa kebenaran Pehak Berkuasa.

Pehak Berkuasa Kawalan Kemajuan, yang mengawal kemajuan tanah dan bangunan sepanjang jalan2 raya di-luar kawasan Lembaga Bandaran dan juga Subok dan Muara mengeluarkan kenyataan itu baru2 ini berkata, Pehak Berkuasa ada-lah mengambil berat tentang masaalah tersebut.

"Pehak Berkuasa berasa bimbang mengenai kerja2 di-atas permukaan tanah dan kerja2 penimbusan yang begitu chepat merosakkan alam sekitar Brunei, menyebabkan hakisan, menimbulkan masaalah pengaliran dan melibatkan tanah2 yang berhampiran", tegas Pengerusi Pehak Berkuasa Kawalan Kemajuan. Awang S. Litherland.

"Mereka juga mengambil berat tentang kemajuan2 perniagaan dan perusahaan haram yang mana ada-lah menyusahkan kawasan2 perumahan di-sekitar-nya," tambah-nya lagi.

Kenyataan itu berkata, Pehak Berkuasa sa-telah berunding dengan pehak Kerajaan memutuskan akan bersikap lebeh tegas ka-atas orang2 yang melanggar peratoran dan sharat2 yang di-tentukan.

"Pehak Berkuasa akan terus mendakwa orang2 yang membuat kesalahan2 itu dan mengambil tindakan terhadap struktur2 haram termasok menjalankan tindakan2 meroboh", tambah Awang Litherland.

MBB mengambil bahagian berzikir

BANDAR SERI BEGAWAN.—Majlis Belia2 Negeri Brunei (MBB) akan mengambil bahagian berzikir yang akan di-langsongkan di-Masjid Omar Ali Saifuddin sini pada 19hb Februari ini, mulai jam 8.00 malam (sa-lepas sembahyang Isha).

Ahli2 persatuan2 belia Daerah Brunei dan Muara yang bergabong dengan MBB, ada-lah di-kehendaki hadhir ka-majlis tersebut pada masa yang di-tetapkan.

Sementara itu sa-orang juruchakap MBB memberitahu Pelita Brunei bahawa pehak MBB berchadang akan mengeluarkan Buku Sibaran tiap2 tiga bulan sakali yang di-jadualkan bermula pada bulan Mach depan.

Buku Sibaran itu ada-lah meliputi kegiatan persatuan2 belia di-negeri ini dan ia-nya akan di-bahagi2kan kapada keluarga MBB untok tatapan ahli2-nya.

Juruchakap MBB itu mengharapkan kerjasama ahli2 persatuan belia yang berhasrat untok menulis kegiatan2 belia setempat, ada-lah di-harapkan supaya berhubong dengan Bahagian MBB saperti berikut:

Awang Abu Bakar Haji Latif, d/a Jabatan Kebajikan, Belia dan Sokan; Awang Abdullah bin Haji Tahir, Sekolah Melayu Danau, Tutong; Awang Metali Haji Tahir, Peti Surat 149, Kuala Belait, bagi Daerah Belait dan Awang Yazid bin Ibrahim, Sekolah Melayu Kinua, Temburong.

Pelita Brunei
DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU
AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

15HB FEBRUARI, 1978.

KA-MANA PERTANIAN HENDAK DI-BAWA?

DALAM uchapan-nya ketika merasmikan Pusat Latehan Pertanian Sinaut baru2 ini, Penasehat Umom Kebawah Duli Yang Maha Mulia, Yang Teramat Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Awang Isa, mengingatkan Jabatan Pertanian supaya akan dapat menyusun ranchangan perkembangan pengeluaran tanaman padi yang menjadi makanan utama raayat dan pendudok di-negeri ini dan saperti yang di-matalamatkan dalam ranchangan pada menambahkan hasil pengeluaran padi tempatan supaya negeri ini tidak semata2 bergantong dan berharap kapada pembelian beras dari luar negeri dan kemajuan ranchangan tersebut di-ramalkan akan dapat menampong pengeluaran padi tempatan sekurang2-nya memenohi sa-paroh dari keperluan negeri ini. Yang Teramat Berhormat itu bertanya, "Ada-kah matalamat ini sudah di-chapai?"

Menurut Yang Teramat Berhormat lagi, beberapa tahun yang lalu, Jabatan Pertanian telah mengheboh2kan "Ranchangan Ternakan" yang bertujuan memperbaiki dan menambahkan lagi setok binatang2 ternakan termasok lembu dan kerbau yang mana beneh2 yang baik telah di-perolehi dari luar negeri untok meninggikan mutu binatang2 ternakan dalam negeri. Dan begitu juga mengenai dengan bekalan keperluan2 daging. "Sa-hingga bila-kah kita akan bergantong dan berharap kapada negeri lain untok membekalkan kita dengan keperluan2 itu. Dan apa-kah yang telah di-dapati dari hasil ranchangan ternakan itu?" tanya Yang Teramat Berhormat itu.

Menyentoh dengan kemajuan usaha2 penyelidekan yang telah di-jalankan oleh Pakar2 Pertanian sa-jauh ini, saperti penanaman sayor sa-chara "hydroponics" dan penyelidekan pengeluaran buah2an yang asing kapada rantau ini dan lain2, Yang Teramat Berhormat itu mengingatkan sekali lagi; sungguh pun penyelidekan2 yang di-jalankan oleh Pakar2 Pertanian itu boleh jadi ada guna-nya kapada pakar2 berkenaan, akan tetapi biar-lah ia-nya di-adakan terhadap perkara2 yang boleh di-jalankan dan di-praktikkan oleh kaum tani di-negeri ini yang bersesuaian dengan keadaan chuacha atau iklim negeri ini. Biar-lah tenaga2 mereka itu di-tumpukan kapada penyelidekan2 ka-arah perkara2 yang ada kaitan-nya dengan raayat dan pendudok di-negeri ini pada mengatasi masaalah pertanian dan ternakan itu.

Nasehat dan peringatan2 dari Yang Teramat Berhormat itu ada-lah suatu pedoman yang semesti-nya di-ambil tindakan (follow up) oleh ketua jabatan yang berkenaan dan lain2 jabatan Kerajaan jua untok memperkemas lagi jentera Kerajaan dan kita tidak mahu "Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan, dalam hal ini, kata orang tua2 Brunei — jadi tinggal asa-asahan!"

J/K Persatuan Teksi

BANDAR SERI BEGAWAN. — Persatuan Pemandu2 Kereta Sewa (Teksi) Daerah Brunei/Muara telah mengadakan mashuarat tahunan-nya pada 25hb Januari, 1978 yang lalu bertempat di-rumah Awang Emran bin A. Majid, Kampong Kianggeh sini. Mashuarat tersebut telah memileh ahli2 jawatankuasa tadbir persatuan itu bagi tahun 1978/1979 saperti berikut:—

Yang Dipertua Persatuan, Awang Abu Bakar bin Salleh; Timbalan Yang Dipertua Persatuan, Awg Pungut bin Limbang; Bendahari Persatuan, Awg Haji Yussof bin Matamit; Timbalan Bendahari Persatuan, Awg Haji Chuchu bin Buntar; Setiausaha Persatuan, Awg Emran B.A. Majid; Timbalan Setiausaha Persatuan, Pangiran Hashim bin Pengiran Tengah; Setiausaha Kebajikan Persatuan, Awg Kula bin Mangol dan T/Setiausaha Kebajikan Persatuan, Awg Muhamad bin Matusin.

Empat orang ahli jawatankuasa: Awang Raya bin Lamat, Awg Kasim bin Salam, Awg Ahad bin Nayan dan Awg Matusin bin Sarudin.

YDM PEHIN KHATIB

BACHAAN Do'a Selamat di-Istiadat Mengorniakan Gelaran kapada YDM Pehin Orang Kaya Datu Indera Setia Diraja Major Haji Abdul Aziz pada 4hb Februari lalu telah di-bachakan oleh Yang Di-muliakan Pehin Khatib Haji Abdul Hamid dan bukan-nya Awang Haji Abdul Hamid sapertimana yang di-sebut dalam Pelita Brunei keluaran minggu lalu. Kami menuntut ma'af atas kesilapan tersebut.—Pengarang.

DARI BILEK GERAKAN

PADA minggu2 lalu kita telah menyentoh mengenai dengan Mukim Kianggeh dalam Daerah Brunei/Muara dan sekarang kita beredar pula ka-Mukim Kota Batu dalam daerah yang sama.

Mukim Kota Batu ini mengandongi 13 buah kampong dan mengikut anggaran pendudok yang di-keluarkan oleh Pejabat Daerah dalam tahun 1975 ia-lah sa-jumlah 4,190 orang dan banyak rumah kira2 726 buah. Penghulu Mukim ini ia-lah Datu Harimau Alam Awang Besar bin Munaf yang juga menjadi Ketua Kampong Subok.

Sa-bagaimana yang di-katakan tadi bahawa mukim ini mengandongi 13 buah kampong dan kita akan meninjau keadaan dari sa-buah kampong ka-sebuah kampong. Sa-bagai memulakan-nya kita tinjau dulu dari Kampong Sungai Besar. Kampong ini terletak di-Kuala Sungai Brunei, kira2 lapan batu dari Bandar Seri Begawan. Kebanyakan rumah2 di-kampong ini di-dirikan berderet2 di-tebing Sungai dan menghadap ka-jalanraya besar Kota Batu/Muara. Pada mula-nya jalanraya ini ada-lah di-bawah kelolaan Jabatan Daerah, tetapi kini telah di-ambil aleh oleh pehak Jabatan Kerja Raya. Keselurohan pendudok di-kampong yang berjumlah kira2 296 orang adalah orang Melayu. Mata pencharian pendudok2 di-kampong ini ia-lah sa-bagai nelayan dan sa-bahagian-nya pula ada yang bekerja dengan Kerajaan dan lain2.

Ketua Kampong Sg. Besar, Haji Ibrahim bin Puteh.

Ketua Kampong Serdang, Awang Haji Md. Daud bin Haji Rendah.

Dalam kampong ini terdapat sa-buah sekolah, masjid dan bekalan2 ayer dan letrik juga telah di-sambong ka-rumah2. Ketua Kampong-nya ia-lah Awang Haji Ibrahim bin Puteh.

Tidak jauh dari Kampong Sungai Besar ia-lah Kampong Serdang. Saperti Kampong Sungai Besar, Kampong Serdang ini juga boleh di-hubongi dengan melalui sungai dan darat. Ketua Kampong ini ia-lah Awang Haji Md Daud bin Haji Rendah. Jumlah pendudok di-kampong ia-lah kira2 390 orang dan banyak rumah ia-lah 57 buah yang di-dirikan di-sepanjang kedua belah jalanraya dan sa-bahagian-nya di-tebing sungai.

Kampong ini juga mempunyai kemudahan2 saperti bekalan ayer, letrik dan talipon. Kanak2 di-Kampong ini bersekolah di-sekolah Melayu Dato Gandi yang terletak tidak jauh dari kampong tersebut.

Dari Kampong Serdang kita berpindah pula ka-Kampong Sungai Matan yang mempunyai pendudok kira2 261 orang dan 41 buah rumah. Awang Damit bin Menudin ia-lah Ketua Kampong tersebut. Kampong ini juga telah di-lengkapi dengan kemudahan2 saperti yang terdapat di-Kampong2 Sungai Besar dan Serdang. Kanak2 di-kampong ini juga bersekolah ka-Sekolah Melayu Dato Gandi. Pendudok2 kampong ini telah aktib dalam sharikat kerjasama. Sa-buah Persatuan Nelayan telah di-tubohkan pada tahun lalu dan sekarang berjalan dengan baik dan lanchar.

Kampong Dato Gandi berketuakan Awang Bakar bin Md Salleh. Kampong ini mempunyai pendudok kira2 ramai 210 orang dan mempunyai 39 buah rumah. Sa-buah sekolah telah di-dirikan di-kampong ini di-mana kanak2 dari kampong2 yang berdekatan dengan-nya bersekolah di-situ. Sa-lain dari itu lain2 kemudahan saperti bekalan ayer, letrik dan talipon juga di-sediakan oleh Kerajaan.

Di-Kampong ini tersergam sa-buah tambatan bekas pendaratan DYMM Paduka Seri Baginda Queen sa-masa Baginda melawat ka-Brunei. Tembatan ini menambahkan keindahan kapada kampong ini dan di-jadikan sa-bagai tempat peranginan dan juga tempat bertambat perahu pendudok2 dari Kampong Pudak untok memendekan perjalanan mereka ka-Bandar Seri Begawan.

Dari Kampong Dato Gandi kita mudek ka-Kampong Pelambayan. Di-kampong ini-lah letak-nya bangunan Muzium Brunei yang indah itu. Kampong yang mempunyai kira2 570 orang itu di-bawah

Ketua Kampong Dato Gandi, Awang Abu Bakar bin Md Salleh.

Penghulu Mukim Kota Batu, Awang Besar bin Munaf.

Ketua Kg. Sungai Matan, Awang Damit bin Menudin.

iagaan Ketua Kampong, Awg Ibrahim bin Metarsad. Dua buah ampangan ayer telah dibe dalam tahun 1967 dan 1970 untok membekalkan ayer kapada pendudok2 di-kampong tersebut. Di-samping itu beberapa kemudahan juga di-sediakan saperti yang terdapat di-lain2 kampong di-negeri ini.

Saperti di-Kampong2 Serdang, Matan dan Dato Gandi, kanak2 di-kampong ini juga bersekolah di-Sekolah Dato Gandi.

Dari Kampong Pelambayan kita beraleh pula ka-Kampong Kota Batu. Kampong ini mempunyai sejarah yang gemilang dari zaman dahulu.

Di-sini-lah terletak-nya Makam Bolkiah, Sultan Brunei yang kelima, yang membawa sejarah gemilang kapada negeri ini pada zaman Baginda dulu. Di-Kampong Kota Batu ini juga terdapat banyak barang2 lama tersembunyi didalam tanah yang menandakan bahawa Negeri Brunei pada zaman dahulu mempunyai kekuasaan pemerentahan yang luas dan kuat. Dalam siri ini kita tidak akan menyingkap sejarah kegemilangan Negeri Brunei di-zaman Sultan Bolkiah yang agong itu. Insha Allah jika terdaya akan kami sentoh sedikit dalam uri2 yang lain.

Ketua Kampong ia-lah Pengarah Haji Jalil bin Abdullah. Pendudok-nya ia-lah kira2 882 orang dan banyak rumah didalam-nya kira2 185 buah mengikut kiraan anggaran Jabatan Daerah dalam tahun 1975. Saperti Kampong Pelambayan, Kampong Kota Batu ini juga mempunyai ampangan dan saloran ayer yang di-bena dalam tahun 1963 dan 1967. Oleh kerana kampong ini terletak tidak jauh dari Bandar Seri Begawan, kemudahan2 di-kampong ini tidak berbeza dengan yang terdapat di-lain2 kampong.

BERSAMBONG

Kadar2 dan bayaran2 pos

BERIKUT ini ia-lah sa-bahagian lagi kadar dan bayaran2 pos yang telah di-tetapkan oleh Jabatan Perkhidmatan Pos yang mula di-kuatkuasakan pada 1hb Januari, 1978. Sa-bahagian lagi akan di-siarkan minggu depan.

BAYARAN POS YANG UTAMA	
BAYARAN PENDAFTARAN	$1.00 satu benda ka-semua tujuan
BAYARAN PENGHANTARAN BEREKOD	50 sen satu benda (dalam perkhidmatan pos tempatan saja)
BAYARAN INSURAN (tambahan kapada bayaran pendaftaran untok surat2. Bayaran pendaftaran tidak di-kenakan kapada bungkusan)	$1.00 bagi tiap2 $200 nilai insurance atau sa-bahagian daripada-nya
PEMBERITAHU TERIMA UNTOK BENDA2 BERDAFTAR, BERINSURAN ATAU BUNGKUSAN	50 sen di-masa mengepos 75 sen sa-lepas mengepos
PEMBERITAHU BAYARAN KIRIMAN WANG	50 sen di-masa keluaran 75 sen sa-lepas keluaran
BAYARAN PERTANYAAN UNTOK BENDA2 BERDAFTAR ATAU BERINSURAN ATAU BUNGKUSAN	50 sen
SURAT AKUAN MENGEPOS BAGI BENDA TIDAK BERDAFTAR	10 sen
BAYARAN PENYIMPANAN	50 sen sa-hari bagi bungkusan kechil yang berat-nya lebeh 1 lb atau bungkusan yang tidak di-kutip dalam tempoh 15 hari masa perchuma (persuratan buta tersechuali)
PERKHIDMATAN BAYAR WAKTU TERIMA	Bayaran hantar semua tempat2 30 sen di-kenakan bagi tiap2 'trade charge' $30. Bayaran penyampaian 50 sen.
KUPON JAWAPAN ANTARA BANGSA	Harga jualan $1.00 Harga tukaran kupon di-keluarkan seberang laut 40 sen
BAYARAN BENDA2 TIDAK BERDAFTAR YANG KURANG ATAU TIDAK DI-BAYAR	50 sen champor dua kali bayaran pos yang kurang

DARI DEWAN MAJLIS

AWASI EJEN P'CHONGAN SUPAYA JANGAN SAMPAI MONOPOLI

YANG Berhormat Awang Abdul Latif bin Awang Abdul Hamid melahirkan harapan-nya supaya Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia berwaspada supaya ejen2 pelanchongan di-negeri ini tidak akan menjadi satu badan monopoli untok memeras orang ramai yang berhubong dengan mereka saperti mana yang pernah di-lakukan oleh wakil2 insuran yang menjalankan perniagaan-nya di-negeri ini.

Kata-nya, Rang Undang2 Ejen2 Pelanchongan, 1977 yang telah di-bentangkan di-dalam Dewan Majlis ini, supaya akan dapat melindongi orang ramai dari perbuatan oleh ejen2 pelanchongan yang menyalah-gunakan kuasa-nya serta mengelakkan dari sabarang penipuan.

Ini telah di-tekankan oleh Yang Berhormat itu ketika menyokong ka-atas Rang Undang2 Ejen2 Pelanchongan yang telah di-kenaan dan bukan di-sebalek-nya.

Mengenai dengan Undang2 Buroh (Pindaan) 1977, Yang Berhormat itu menyatakan bahawa undang2 tersebut sepatut-nya sudah lama di-adakan, kerana ia-nya menseimbangkan dengan kadar2 di-negara2 lain.

Dengan ada-nya undang2 itu, jelas Yang Berhormat itu lagi, asas peratoran2 buroh tidak akan terkechuali bagi memberikan kemudahan yang lebeh baik kapada mereka.

Yang Berhormat itu menjelaskan, sa-lain dari mensesuaikan undang2 itu, buroh2 tempatan harus di-berikan latehan2 supaya mereka itu akan dapat mengambil aleh tugas buroh2 dari luar negeri.

Sementara itu, Yang Berhormat Awang Abdul Latif bin Awang Abdul Hamid bangun menyokong usol yang di-bentangkan oleh Yang Berhormat, Pehin O. K. Khazanah Negara Laila Diraja Dato Laila Utama Awang John Lee, mengenai Belanjawan 1978, mengharapkan agar segala usaha perlaksanaan pentadbiran yang berasaskan kewangan ini dapat di-jalankan dengan sempurna-nya supaya wang yang begitu banyak, tegas Yang Berhormat, akan dapat di-belanjakan mengikut persesuaian harga yang telah di-tetapkan yang di-beli dalam menyelenggarakan sesuatu projek itu. Model yang telah sedia ada itu, di-pergunakan untok menchapai faedah dan keuntongan yang di-harapkan dalam menchapai kemajuan yang telah di-chita2kan.

Sa-terus-nya Yang Berhormat itu melahirkan pertanyaan, sa-hingga tahun berapa-kah padi yang di-tanam, boleh menchukopi keperluan pendudok negeri ini?

Mengenai dengan perkhidmatan RTB, sampai bila-kah ranchangan2 yang bersesuaian, akan dapat di-atorkan dengan sempurna-nya, termasok aktiviti2 tempatan, yang di-padankan dengan keadaan pendudok di-negeri ini berdasarkan ajaran2 Islam. Seterus-nya Yang Berhormat itu melahirkan pertanyaan, kenapakah perayaan2 adat istiadat dan Ugama Islam, tidak banyak yang di-siarkan? pada hal ini ada-lah perlu, kerana kebanyakan pendudok2 negeri ini, ada-lah berugama Islam. Dengan ada-nya siaran2 ini, tegas Yang Berhormat itu dapat-lah menguatkan lagi semangat chintakan adat istiadat dan Ugama Islam.

Menimbulkan ranchangan kemajuan negara lima tahun, termasok bidang perubatan, Yang Berhormat itu mengharapkan, agar pembenaan rumah sakit besar dan baru itu, akan dapat di-selaraskan berdasarkan kapada keperluan2 yang di-pastikan untok menjalankan-nya, saperti keperluan2 jururawat2, alat2 kelengkapan, ubat2an yang di-sifatkan oleh Yang Berhormat itu sa-bagai up to date.

Untok membisaikan bandar, Yang Berhormat itu menekankan supaya mengelokkan lagi jalan2 yang sudah sedia ada ini, demi untok mengelakkan kesebokkan, supaya kereta2 tidak memenohi jalan2 raya, dan kemalangan dapat di-hindarkan.

Mengenai dengan pelajaran, Yang Berhormat itu melahirkan rasa penghargaan-nya, terhadap usaha yang gigeh dari badan Majlis Pelajaran yang mengambil berat tentang kemajuan pelajaran di-negeri ini, dengan menggalakan usaha mendirikan sekolah2 di-perkampongan, sa-bagaimana yang dapat kita lihat di-kampong ayer.

Yang Berhormat itu juga menchadangkan supaya Sungai Kebun di-jadikan pusat persekolahan, yang di-gelarkan oleh Yang Berhormat itu, sa-bagai Bandar Seri Begawan yang kedua. Ini ada-lah semata2 untok mengurangkan kesebokkan pelajar2 kampong ayer, yang pergi bersekolah ka-Bandar Seri Begawan.

Menyentoh mengenai dengan pekerjaan, Yang Berhormat itu mengharapkan, agar pehak2 yang berkenaan mengambil perhatian yang berat terhadap penuntut2 lepasan sekolah yang memerlukan pekerjaan, untok mengatasi perkara ini, Yang Berhormat mengshorkan supaya golongan swasta, bank2 dan badan2 yang berkanun memberikan kerjasama dalam menyalorkan pekerjaan terhadap penuntut2 ini.

Menyentoh mengenai dengan pinjaman wang di-bank2, Yang Berhormat itu nampak-nya merunggut bahawa ada setengah2 bank yang tidak mahu memberikan kerjasama terhadap perusahaan kaum bumiputera di-negeri ini dengan tidak mahu memberikan pinjaman, dengan beberapa alasan.

Menyentoh dengan uchapan Yang Berhormat Pehin O. K. Khazanah Negara Laila Diraja Dato Laila Utama Awg John Lee, berhubong dengan investment2 Kerajaan di-luar negeri, Y. B. Awang Abdul Latif melahirkan pertanyaan, kenapakah investment2 itu di-tumpukan semata2 kapada sa-buah negeri sahaja?

Yang Berhormat itu berpendapat, ada-lah lebeh baik investment2 itu di-tanamkan di-negeri ini sendiri, untok menjalankan projek2 pembenaan semula, yang di-kendalikan oleh kaum bumiputera sendiri. Walau bagaimana pun tegas-nya, ini terserah-lah atas penilaian Kerajaan, terhadap penanaman modal dalam negeri, atau di-luar negeri itu.

Akhir-nya Yang Berhormat itu berdo'a kapada Allah s.w.t. supaya memberikan rahmat-nya atas segala ranchangan2 yang di-ranchangkan oleh Kerajaan Duli Yang Maha Mulia, supaya akan dapat berjalan terus menerus tanpa gangguan.

Y.B. Awang Abdul Latif bin Awg Abd Hamid.

Rang Undang2 Pampasan tidak berat sebelah

YANG Berhormat Orang Kaya Pekerma Dewa Awg Lukan bin Uking menyuarakan sokongan-nya ka-atas Rang Undang2 Pampasan Pekerja (Pindaan) 1977 yang telah di-kemukakan oleh Yang Berhormat Pegawai Kewangan Negara, berkata, "Sa-bagai sa-buah negeri yang sedang membangun dalam menuju kemajuan-nya, negeri kita Brunei ini ada-lah berke-

Y.B. O.K. Pekerma Dewa Awang Lukan.

hendakkan perubahan2, termasok-lah di-segi undang2. Kerana itu kita tentu tidak mahu ketinggalan dalam apa juga perubahan2 dalam menuju kemajuan itu sendiri."

Raayat negeri ini sangat-lah beruntong kerana mendapat satu perubahan Pindaan Undang2 Pampasan Pekerja. Undang2 itu tidak berat sebelah, malahan ia-nya ada-lah menguntongkan kedua belah pehak antara majikan dan pekerja, jelas-nya.

Kata-nya, keadaan perburohan amat-lah berbedza sa-belum pindaan undang2 itu; di-mana buroh2 tidak pernah mendapat ganti-rugi yang memuaskan dari majikan mereka itu apa bila mereka mendapat sesuatu kemalangan sa-waktu menjalankan tugas.

Demikian juga dengan pembayaran yang telah di-terima oleh buroh2 yang bekerja di-sebelah malam yang sa-memang-nya tidak mendapat bayaran gaji yang setimpal dengan apa yang di-kerjakan mereka, jelas-nya.

Yang Berhormat itu menyatakan dengan ada-nya Pindaan Undang2 Pampasan Pekerja, 1977, ia-nya akan dapat menyelesaikan masaalah berkenaan untok di-patohi oleh majikan2.

Beliau berharap pehak2 yang berkenaan akan dapat mengawasi sepenoh-nya supaya pehak majikan2 akan dapat mematohi bab2 yang di-persaharatkan dalam undang2 itu.

Menyentoh dengan Undang2 Penjara, Yang Berhormat itu menyatakan bahawa memang sudah kena pada tempat-nya kita mensesuaikan undang2 itu demi menyelaraskan dengan keadaan kemajuan yang ada pada masa ini.

Tambah-nya kalau dahulu, orang kitani apabila mendengar perkataan lokap itu, mereka akan merasa takut tetapi berlainan dengan masa sekarang di-mana setengah2 mereka itu tidak takut sama sekali dan itu-lah sebab-nya undang2 itu di-bentangkan dalam Dewan Majlis ini.

"Walau bagaimana pun, penjara bukan-lah tempat menyeksa orang2 salah, bahkan ia-nya ada-lah merupakan tempat pemulehan atau mengajar orang2 salah untok kembali menjadi masharakat yang berguna," tegas-nya.

Ada Bank tidak memberi kerjasama kpd. perusahaan kaum bumiputera

chadangkan oleh Pemangku Setia Usaha Kerajaan, Yang Berhormat Dato Setia Awang Abdul Rahman bin Dato Setia Awang Haji Mohd Taib.

Di-samping itu, tambah Y.B. Awang Abdul Latif lagi, Kerajaan perlu-lah menghadkan bilangan ejen2 pelanchongan di-negeri ini dan satu pertimbangan khas perlu-lah di-berikan kapada pemohon2 terdiri dari raayat bumiputera di-negeri ini yang di-dapati benar2 untok menjadi ejen ber-

Mutu bachaan Al-Kor'an perlu di-pesatkan lagi

YANG Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Setia Awang Haji Ali bin Ismail dalam uchapan penanggohan-nya ia-itu sa-belum sidang permashuaratan musim ke-15 di-tanggohkan, menyatakan perasaan tertarek hati apabila mendengar rakan2-nya dari ahli yang di-lantek supaya Sungai Kebun di-jadikan Bandar kedua sa-lepas Bandar Seri Begawan.

Y.B. Pehin O.K. Seri Setia Awang Haji Ali.

Pendapat tersebut adalah sesuai, tambah-nya, di-samping itu jembatan yang di-ura2kan untok di-buat di-Batu 3, Jalan Tutong menghubongi ka-Sungai Kebun, juga boleh mengurangkan kesesakan lalu-lintas di-Bandar Seri Begawan.

Yang Berhormat Pehin Haji Ali, ketika menyentoh mengenai bachaan Al-Kor'an di-kalangan penuntut2 Sekolah Ugama telah menyeru Jabatan yang berkenaan supaya memesatkan lagi kegiatan-nya agar penuntut2 di-sekolah tersebut akan tahu membacha dengan lanchar serta faseh.

Yang Berhormat itu juga memohon pertimbangan Kerajaan, agar kaki-tangan Kerajaan yang tinggal di-Kampong Ayer itu di-berikan hak untok meminjam bagi membena rumah di-Kampong Ayer dengan alasan mereka itu tidak ada memileki tanah di-darat.

Pemasangan talipon juga telah di-timbulkan oleh Yang Berhormat itu. Menurut-nya, pemasangan talipon di-Kampong Ayer selalu memakan masa yang begitu lama dan mudah2-an ia-nya akan dapat di-perchepatkan lagi.

Yang Berhormat itu juga memohon pertimbangan Kerajaan supaya penuntut2 Sekolah Ugama dari Kampong Ayer di-berikan kenderaan untok pergi dan balek ka-sekolah2 mereka yang letak-nya di-darat.



AN INCREASE IN SHIPPING AND CARGO

BANDAR SERI BEGAWAN. — The Controller of Ports, Mr. Anthony Chin has said that 450 ships with over 300,000 tons of cargo arrived at the port last year, compared to over 415,000 tons of cargo in 1976.

This was an increase of eight percent of shipping and 15 percent of cargo between the year 1976-1977.

He also predicted there will be a slight increase of ships to call at Muara Port this year, because of an increase in world trade.

Touching on the project at the port, Mr. Chin stressed, the government has approved an estimate of over $400,000 for the extension of the existing ware-house.

A block of godowns built in the area last year for storing cargo is being completed. He added the government has also approved an allocation of over half a million dollars for buying a large container handling fork and three small ones.

Vacancies for Police Inspector

The Royal Brunei Police has announced that there are now vacancies in the force for Police Inspectors, and invites applications from suitably qualified young men.

Applicants must be Brunei citizens, aged between 19 and 26, at least five foot four inches height and should have passed Form Five in the English Language.

Application forms are available at the Police Headquarters, Gadong, or at the District Police Headquarters in Bandar Seri Begawan and Panaga.

Completed forms must be returned to the Commissioner of Police not later than 30th March, 1978.

Training course for officers

BANDAR SERI BEGAWAN.—The Establishment Department held its second training course for government officers last Wednesday.

The first such course was held last month.

Thirty Government officers from 14 government departments attended the two-day course which ended the following day.

It was held at the department's training centre at Jalan Kumbang Pasang here.

Among senior government officers who gave talks during the course were the Brunei/Muara District Officer, Awang Salleh bin Haji Hidup; the Commissioner of Lands, Awang Haji Mohammad bin Haji Serudin; the Assistant Controller of Post, Awang Yaacob bin Haji Ahmad and the Head of the Training Unit, Awang Haji Jaya bin Abdul Latif.

The Acting State Secretary, Dato Setia Awang Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohd Taib and Acting Director of Establishment, Pengiran Dato Paduka Haji Abdul Rahman bin Pengiran Haji Abdul Rahim visited the Training Centre on Thursday (above).

Exchange for valid I/C

BANDAR SERI BEGAWAN.—People holding obsolete identity cards are liable to be fined if they are caught.

The Commissioner of National Registration, Awg Julaihi bin Haji Abdul Kadir has advised that blue and red identity cards should be exchanged for yellow and purple ones.

Foreign nationals working in Brunei are advised to possess green identity cards.

Those wishing to apply for current and valid identity cards should do so at their earliest convenience at the registration offices in Bandar Seri Begawan, Kuala Belait, Tutong and Temburong.

Collapsed house rebuilt

BANDAR SERI BEGAWAN. — There had been voluntary efforts to help a family on Kampong Ayer who lost their home in an accident recently.

Their house at Kampong Saba Tengah collapsed.

Voluntary workers helped clear a site for new house for Awang Haji Hidup bin Takong and his family of seven.

Building work took place on Friday with materials donated by the District Office and the Welfare, Youth and Sports Department.

The voluntary workers came from villages on Kampong Ayer as well as the District Office, the Welfare, Youth Council and the Perkasa Association.

Awang Haji Hidup's losses in the accident are estimated at $25,000.

Kidney transplant sisters progress well

BANDAR SERI BEGAWAN. — The two Brunei sisters who were involved in the kidney transplant at a London hospital recently are reported to be progressing well.

The girls, Miss Ho Beng Soo, the kidney donor and her sister Miss Beng Geok, the recipient, have expressed their thanks to the staff of the Bandar Seri Begawan Hospital, and to the Government of Brunei for arranging and financing their operations.

They are hoping to be re-united with their family in Bandar Seri Begawan.

Ban on dates lifted

The Medical and Health authorities have lifted the ban on the import of dates from the Middle East.

The ban was imposed after an outbreak of cholera there, last September.

In another statement, the Medical and Health Department has advised all businessmen or people who import, store or sell pesticides, insecticides and other poisonous chemicals to have their poison licences renewed.

140 received certs.

A hundred and forty physical education teachers throughout the State who attended physical education courses organised by the Education Department were presented with certificates at various places this month.

Participants from the Temburong District received their certificates at the Dewan Ria in Bangar Town last Friday afternoon.

The presentation was made by the acting Temburong District Officer, Awang Abdul Aziz bin Mohamad.

A similar ceremony for those in the Tutong District was held at the Muda Hashim Secondary Malay School on Monday, at the Perdana Wazir English School for those in the Belait District yesterday and for those in the Brunei/Muara District, will be at the Youth Centre tomorrow.

Ketua Kg. nominated

TUTONG. — Residents of Kampong Bakiau in Tutong District have nominated a candidate for the post of Ketua Kampong of the area.

He is Pengiran Othman bin Pengiran Mohamed Salleh.

The nomination was held at the Bakiau Malay School and was presided by the Tutong District Officer, Awang Haji Yahya bin Haji Harris.

The name of the candidate will be submitted to the government.

Training sessions for sportsmen

TUTONG.— Training sessions for about 40 athletes throughout the State started last Friday at the Muda Hashim Secondary Malay School's sports arena in Tutong District.

The sessions are being organised by the Brunei Amateur Athletic Association and will be held weekly at the same place.

Outstanding athletes will be selected to represent Brunei in future national and international athletic meetings.

THIRTY agricultural extentension officers in the state visited the paddy planting experiment site at Mulaut and the Agriculture Station at Kilanas in the Brunei/Muara District on February 4, 1978 (above).

They were accompanied by the Agriculture Officer Extension Section, Awang Abu Bakar bin Abdul Rahman, district supervisors and field officers.

Talks on the paddy planting experiment were given during the visit by the Agronomy Officer at Mulaut and Agriculture Station at Kilanas.

The visits were aimed at knowing and seeing for themselves on paddy planting experiment on two paddy varieties which can be grown well and produced good yield on less fertile land.

The experiment on these two varieties has no far produced satisfactory results.

KHUTBAH JUMAAT

AKHLAK SA-BAGAI ASAS PEMBANGUNAN YANG UTAMA

ZAMAN ini sudah terkenal sa-bagai zaman merusut bagi nilai2 akhlak yang tinggi, dimana nilai2 tersebut tidak lagi di-beri tempat yang sa-layak-nya untok memainkan peranan yang berkesan dalam kehidupan manusia hari ini. Hal ini berpuncha dari abad2 yang terakhir manusia tundok kapada aliran2 berfikir sa-chara serba benda dengan membelakangkan kerohanian.

Pada hal perasaan akhlak itu ada-lah perlu di-dalam apa jua bentok penghidupan masharakat. Nilai akhlak membangkitkan rasa tanggong - jawab yang sempurna. Undang2 sahaja mithal-nya, tidak-lah memadai untok melahirkan perasaan ini, kerana berapa banyak orang yang tidak takut kapada undang2 itu, yang tidak mahu menghormati-nya, sedang orang yang berakhlak, sekali2 tidak akan melakukan ini.

Ugama Islam telah menjadikan akhlak itu sa-bagai asas pembangunan yang utama. Ia dapat di-lihat dari zaman permulaan-nya, telah dapat melahirkan sa-buah masharakat yang kokoh. Nilai akhlak itu terdapat dalam sistem kehidupan yang berhubong dengan Tuhan dan sesama manusia. Terdapat dalam ibadat dan terdapat juga dalam sistem zakat, sistem warith, sistem wakaf, sistem jihad, sistem ekonomi tanpa riba dan lain2 lagi. Akhlak Islam juga menganjorkan umat-nya berbuat baik kapada fakir miskin, kapada jiran tetangga dan kaum keluarga. Pendek-nya akhlak Islam itu sa-bagai asas membangun, ia bermula dari jiwa dan hati norani. Didalam jiwa, Islam menyemaikan beneh kaseh sayang, menaborkan beneh chinta yang berseh. Ia membangkitkan emosi berkeluarga dan silaturrahim. Menggalakkan salam. Serta yang lebeh penting dari segala2-nya ia-lah mengisi diri dengan takwa kapada Allah. Dan apabila ini terchapai, maka akan senang-lah sa-tiap diri itu menerima segala kewajipan2 dengan rela hati.

Kerana itu, wahai kaum muslimin! Apa pun jua bentok kesempurnaan yang hendak kita chapai, mesti-lah bersandarkan ada-nya pertalian hati norani kita dengan Allah Ta'-ala, yakni dengan maksud untok menchari keredhaan-Nya semata2. Erti-nya kita hendak-lah menjadikan aqidah atau keperchayaan ugama itu sa-bagai asas untok menuju pembangunan masharakat. Sebab dengan itu bukan saja kepentingan dunia akan terchapai, kepentingan bangsa dan negara di-perolehi, bahkan juga satu matalamat yang lebeh tinggi akan juga didapat, ia-itu keredhaan Allah s.w.t. Ini-lah punchak keindahan hidup sa-orang Mukmin, yang tidak boleh dichapai melainkan memileh nilai2 akhlak Islam sa-bagai amalan yang utama.

Bingkisan minggu ini

Akal tentukan jalan hidup

APABILA sa-seorang itu telah dapat membezakan antara yang baik dengan yang burok pada diri-nya sendiri; membuat pertimbangan pada sa-suatu itu sa-chara kritikal dan teliti, ia-itu tidak sa-larah2-nya membuat perhitongan maka dapat-lah kita mengenali-nya sa-bagai sa-orang yang waras fikiran dan sempurna akal-nya.

Jadi, pada hakikat-nya, sa-seorang yang sempurna akal-nya itu tidak ingin memperolehi sa-suatu itu dengan mudah dan senang saja, jika di-fikirkan-nya akan membawa keburokan dan chelaka.

Bahkan insan saperti ini, tidak akan berduka nestapa — jika ia menempoh kedukaan — sebab banyak berduka itu akibat-nya akan melemahkan akal. Dia tidak bersedeh, jika berhadapan dengan sa-suatu yang trajis atau menyayat hati — sebab banyak bersedeh itu boleh menjejaskan kecherdasan fikiran, malahan ia sentiasa bersedia dan bertawakkal kapada Allah s.w.t. untok menghadapi sebarang kemungkinan. Umpama-nya; sa-belum sakit bersedia ubat; sa-belum hujan bersedia payong dan sa-bagai-nya.

Jika sifat2 ini ada pada sa-tiap orang Muslim, sudah barang tentu ia tidak akan dapat di-kotak-katikkan oleh aniaya dunia atau musoh2-nya. Pada lazim-nya orang2 yang berakal itu tidak akan meluahkan jawapan sa-belum di-tanya. Dan tidak pula menjawab pertanyaan orang lebeh daripada apa yang sa-patut-nya. Kerana ia tidak mau akan di-ibaratkan sa-bagai "tidak memegang anak kunchi" atau tidak 'berpenarohan'. Dan tidak juga mahu menghina sa-seorang; sebab cherdek pandai ada berkata: "Sa-seorang yang menghina orang alim rosak-lah ugama-nya, dan orang yang menghinakan kawan-nya rosak-lah meruah-nya."

Dalam hal ini dapat-lah kita menchontohi satu peristewa yang pernah berlaku di-zaman Rasulullah s.a.w., di-mana sa-orang lelaki dari Bani Majushi pernah berjumpa Rasulullah dan berkata: "Ya Rasulullah bukan-kah hamba ini sa-orang yang terutama atau terkenal di-dalam kaum ku?" Lalu Rasulullah bersabda:

"Jikalau ada engkau berakal maka utama-lah engkau, dan jika ada engkau bersopan maka budiman-lah engkau, dan jika ada engkau berharta maka senang-lah engkau dan jika ada engkau takwa maka berugama-lah engkau."

Menurut satu riwayat lagi, bahawa Anas pernah di-puji2 orang sa-bagai sa-orang sahabat yang dekat kapada Rasulullah, di-puji tentang kuat ibadat-nya; di-puji baik perangai-nya; kuat keimanan-nya; beradab dan sopan. Tetapi Rasulullah tidak memperdulikan puji2an itu, lalu Baginda bertanya: "Bagaimana-kah akal-nya?" Lalu mereka bertanya pula: "Bagaimana ya Rusulullah?" Kami sebut segala macham kelebehan-nya, tetapi Rasulullah tanyai juga akal-nya. Maka dengan itu Nabi pun bersabda yang bermaksud kira2:

"Sesunggoh-nya orang tamak tetapi beribadat telah tertimpa bahaya sebab bodoh-nya, lebeh besar daripada bahaya yang menimpa sebab kejahatan orang yang durjana. Yang mengangkatkan manusia kapada darjat dekat kapada Tuhan ia-lah menurut kadar akal mereka jua."

DUA orang pegawai kanan dari Jabatan Hal Ehwal Ugama telah berhasil menamatkan kursus masing2 di-London baru2 ini. Mereka ia-lah Timbalan Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Yahya bin Haji Ibrahim yang mengikuti kursus di-Royal Institute of Public Administration (RIPA); sa-orang lagi ia-lah Penguasa Penerangan dan Tabligh, Awg Haji Badaruddin bin Pengarah Haji Othman di-Central Office of Information (COI). Kedua2 mereka telah pulang ka-tanah ayer bulan lepas. Dalam gambar atas kelihatan Awang Haji Yahya dan tiga orang rakan kursus dari negeri2 Komenwel sa-masa dalam latehan kajian kerja2 pentadbiran di-salah sa-buah Jabatan Kerajaan di-Beacansfield, di-luar London.

Gambar atas Awang Haji Badaruddin sedang menerima sijil dari Pengarah COI di-majlis penutop kursus.

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai dari hari Rabu 15hb Februari, 1978 hingga ka-hari Selasa 21hb Februari 1978 ada-lah saperti di-bawah ini: —

Hari Bulan	Dzuhor	Asar	Magrib	Isha	Imsak	Suboh	Matahari Terbit
15hb Feb	12.40	4.01	6.38	7.49	5.06	5.06	6.35
16hb Feb	12.40	4.00	6.38	7.49	5.05	5.06	6.34
17hb Feb	12.40	4.00	6.38	7.49	5.05	5.06	6.34
18hb Feb	12.40	4.00	6.38	7.49	5.05	5.06	6.34
19hb Feb	12.40	4.00	6.38	7.49	5.05	5.06	6.34
20hb Feb	12.40	4.00	6.38	7.49	5.05	5.06	6.34
21hb Feb	12.40	4.00	6.38	7.49	5.05	5.06	6.34

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluroh Negeri Brunei di-mulai pada pukol 12.45 tengah hari.

Majlis berdikir maulud

BANDAR SERI BEGAWAN. — Perayaan Sambutan Maulud Nabi tahun ini telah di-mulakan dengan Majlis Berdikir bertempat di-Masjid Omar Ali Saifuddin pada malam Rabu lepas. Majlis itu telah di-mulakan sa-lepas menunaikan sembahyang fardhu Isha dan di-rasmikan oleh Pemangku Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama Brunei, Awang Haji Yahya bin Haji Ibrahim.

Majlis yang akan di-adakan 12 malam berturut2 itu akan di-hadhiri oleh wakil2 dari jabatan2 kerajaan dan pendudok kampong2 sekitar Daerah Brunei dan Muara, yang mana masing2 telah pun di-jadualkan tarikh2 untok menyertai-nya. Orang ramai juga ada-lah di-persilakan untok menghadhiri majlis tersebut.

SEMINAR DAKWAH ISLAMIAH BELIA

BELIA MENGHAYATI ISLAM SA-BAGAI CHARA HIDUP

oleh: HJ. ABD. AZIZ JUNED

KESIMPULAN

KESIMPULAN dari segala tujuan hidup orang Islam yang sa-benar2-nya, hendak-lah dari sekarang di-tentukan bentok Masharakat Mukmin itu, ia-itu masharakat yang chukop mendapat panduan ugama serta berusaha menghayati-nya. Khusus dalam bidang 'aqidah dan ibadat mereka mesti kuat. Tujuan-nya ia-lah untok kepentingan masharakat itu sendiri, bukan semata2 untok kepentingan individu.

Ugama itu hidup dan berkembang dalam tangan penganut2-nya. Jika penganut-nya chuai, lalai dan kurang semangat keugamaan, maka ugama pun turut tidor dan malap. Kerana itu-lah Allah Ta'ala sendiri mau supaya ugama ini sentiasa di-tolong, yakni di-kembangkan (lihat Surah Muhammad ayat 7). Masharakat Mukmin memelihara diri-nya sendiri dari di-hanchorkan oleh musoh. Kita mau Islam yang di-anut mereka itu biar-lah bermaana, jangan Islam sebutan sahaja, tetapi Islam yang di-hayati dengan amalan. Kita tidak mau saperti di-Sepanyol mithal-nya, ugama tidak lagi bermaana apa2. Keturunan orang2 Islam juga sudah berugama Nasrani dan masjid2 di-jadikan muzium atau gereja. Tidak-lah berlebehan jika kita katakan, bahawa Masharakat Mukmin yang menolak hukum2 Islam sa-bagai chara hidup, lambat laun akan lenyap. Samada menolak itu dengan kemahuan sendiri atau pun kerana terpaksa.

Ini-lah yang perlu di-sedari sekarang oleh belia2 dan juga kaum terpelajar Islam pada khusus-nya. Peranan mereka amat-lah besar dan penting. Umpamanya jika Masharakat Mukmin di-ancham oleh serangan dan godaan musoh2 Islam, masharakat itu tentu-lah bersalah jika orang2 yang akan mempertahankan-nya di-serahkan kapada orang2 dewasa dan orang tua2 sahaja.

Begitu juga ada-lah salah satakat tahu bermegah2 sahaja dengan Perlembagaan Negeri kerana menyebutkan peruntokan Islam sa-bagai ugama rasmi, dan menjelaskan kedudokan Menteri Besar atau Timbalan Menteri Besar atau Setiausaha Kerajaan terdiri dari orang Melayu yang berugama Islam tetapi kita tidak mau bertanya bagaimana-kah hendak menghayati Perlembagaan yang indah ini dalam kehidupan kita? Perlembagaan tidak akan dapat berbuat apa2 dengan sendiri-nya. Di-rendam ia basah, di-gantong ia tinggi dan di-bakar ia hangus. Tetapi tindakan dan langkah2 kita-lah yang menjadikan-nya berguna atau sa-balek-nya.

Pada saya, saya mau meratapi zaman ke-emasan dengan kesedaran, bukan dengan ayer mata. Kita tidak usah kechewa dengan keadaan umat Islam yang tertinggal. Sejarah golongan manusia mana pun memang ada zaman gelap dan zaman terang-nya. Suatu bangsa atau umat itu tidak akan mundor sa-lama2-nya, saperti juga ia tidak akan maju sa-lama2-nya. Tetapi yang penting, sesudah menyedari hakikat ini, kita perlu kaji perkaitan-nya yang tetap di-sebabkan apa? Jawapan-nya ia-lah: Semua itu ada perkaitan-nya dengan sistem nilaian umat atau bangsa yang berkenaan itu. Apabila bangsa itu memandang nilai2 kebenaran, ugama dan tata susila dengan pandangan yang rendah, atau jika pun maseh tetap memandang tinggi tetapi tidak di-amalkan, tidak sentiasa di-hayati, maka lambat laun bangsa itu akan menjadi mundor.

Jika di-perhati baik2, kita orang2 Islam — di-mana2 jua — maseh ingin terus menghargai nilai2 itu tetapi dengan sikap masing2 mengharapkan biar orang lain sahaja yang meng-amalkan-nya. Yang tidak mau, biar terus terasing dan keberatan untok terlibat. Apa-kah kita mau kekal dengan sikap ini? saya pulangkan kapada para belia untok menjawab-nya.

PENUTOP

Biar-lah saya tutop renchana ini, dengan menchatetkan beberapa tauladan dari peribadi dan keolahan Nabi Muhammad s.a.w. sa-bagai petunjok kapada chara2 hidup yang di-lakukan oleh Baginda, yang juga di-sebut sa-bagai Sunnah Rasulullah. Dengan ini, di-harapkan chontoh2 itu dapat-lah mendekatkan lagi fahaman belia2 terhadap apa yang di-panggil Islam sa-bagai chara hidup itu.

Beberapa Sari Tauladan Rasulullah s.a.w. ada-lah :

1. Baginda sentiasa jujor dan hidup sedarhana.
2. Menyelesaikan segala kerja2 dengan tangan sendiri.
3. Membantu rumah tangganya dengan penoh kaseh sayang dan perasaan gembira.
4. Langsong memberi chontoh dalam pembangunan spiritual dan material.
5. Tidak meninggikan diri.
6. Ka-pasar sendiri untok keluarga-nya dan tetangganya.
7. Memenohi jemputan dengan sa-penoh perhatian walau pun dari hamba sahaja.
8. Berchakap dengan perlahan. dan kira-nya perkara penting di-ulang2-nya tiga kali (kali pertama supaya di-dengar, kedua di-fahami dan ketiga di-hafal).
9. Tidak menolak hadiah yang tulus ikhlas tetapi menolak sedekah atau pemberian zakat.
10. Tidak pernah menchela makanan dan minuman, mana2 yang tidak di-sukai-nya di-tinggalkan dengan tidak mengeluarkan sebarang chelaan.
11. Suka memakan madu lebah kerana madu di-puji dalam Al-Kor'an sa-bagai mengandongi khasiat untok kesihatan, dan sa-bagai derma bakti binatang lebah dan menghasilkan-nya sachara beramai2.
12. Tidak bertelekan ketika makan saperti kebiasaan orang yang sombong atau malas.
13. Sa-belum makan menchuchi tangan dan membacha Bissmillah.
14. Pakaian-nya sederhana tetapi berseh, dan kadang2 ada tampal-nya.
15. Memelihara kebersehan gigi dengan sugi. Rambut, misai dan janggut sentiasa kemas.
16. Suka memakai wangi2an, terutama menghadapi hari2 saperti hari Jumaat.
17. Jika berjumpa dengan sasiapa jua Baginda tersenyum dengan wajah yang berseri2.
18. Jika berjabat tangan tidak pernah menarek tangan-nya lebeh awal.
19. Kadang2 bergurau sa-chara sederhana dan luchu, tetapi sa-lama-nya benar.
20. Sentiasa mendahului memberi salam dalam sa-tiap pertemuan.
21. Sentiasa berusaha memelihara persahabatan.
22. Sentiasa mengenang dan mengingati kebaikan orang yang pernah berjasa saperti mengenangkan kebaikan Saidatuna Khadijah yang telah wafat, bahkan menghormati semua kenalan dan sahabat2 beliau (Khadijah) itu.
23. Sentiasa berusaha mengadakan ikatan jiwa yang kuat dengan Sahabat2 Baginda, sa-hingga mereka rela berpisah dari orang tua-nya sendiri daripada berpisah dengan Rasulullah s.a.w., saperti berlaku ka-atas Zaid bin Harithah, anak angkat Baginda. Ketika datang ayah-nya menjemput supaya balek bersama2-nya kakampong halaman-nya, Zaid lebeh menyukai untok tetap tinggal bersama2 Rasulullah daripada pulang mengikut ayah-nya.
24. Tidak pernah mengkritik orang sa-chara peribadi tetapi sa-chara umom.
25. Tidak pernah memaksakan kemahuan-nya kapada orang lain dengan kekerasan, tetapi suka memberikan chontoh dengan perbuatan sa-hingga dengan mudah saja orang lain itu mengikut-nya dengan patoh, sekali pun perkara itu pada mula-nya ada-lah berat bagi mereka, saperti kejadian yang berlaku samasa Perjanjian Hudaibiah selesai di-tanda tangani, di-mana Sahabat2 Baginda enggan mengikut perintah-nya supaya berchukor dan menyembeleh kambing, samata2 kerana sahabat2 itu mengganggap isi perjanjian tersebut ada-lah merugikan umat Islam. Lalu dengan nasehat isteri-nya Ummu Salamah, Baginda dengan tidak berchakap sa-patah pun telah menchukor rambut-nya sendiri dan menyembeleh kambing, disaksikan oleh sahabat2, dan melihat ini sahabat2 pun mengikut perbuatan Nabi.
26. Sa-lama hidup Baginda tidak pernah memukul khadam atau perempuan.
27. Tidak pernah mengechewakan fakir miskin yang meminta2.
28. Ketika para sahabat menyiapkan makanan di-dalam perjalanan, Baginda tidak keberatan mencharikan kayu api.
29. Kaseh sayang terhadap keluarga-nya tidak menghalang Baginda untok melaksanakan keadilan. Ini terbokti dari sumpah Baginda: Sekira-nya Fatimah bte Muhammad menchuri, neschaya akan Baginda potong tangan-nya.
30. Sikap Baginda sentiasa ramah dan pemberi maaf, sahingga melepaskan pendudok Mekah bebas dari hukuman sa-baik2 sahaja negeri itu di-kuasai-nya. Dan sudi mendo'akan bekas musoh-nya Abdullah bin Ubai ketika orang ini sedang menghadapi sakratul-maut, bahkan memberikan baju-nya untok kain kapan kapada mayat Abdullah.
31. Membalas kejahatan dengan kebaikan. saperti peristiwa sa-orang Yahudi menageh hutang kapada Baginda dengan kasar-tetapi di-sambut dan di-terima oleh Nabi dengan baik dan tenang menyebabkan orang Yahudi itu masok Ugama Islam.
32. Suka mengunjong orang sakit dan memberi hiboran serta harapan. Mengikut sembahyang jenazah dan menghadhiri penanaman-nya untok mendo'akan dan memberikan ta'ziah kapada keluarga si-mati.
33. Berpesan supaya menghormati ibu-bapa, kerabat, handai kawan, memelihara anak yatim, fakir miskin dan janda2.
34. Berhati2 menjatohkan hukuman.
35. Tidak ada tolak ansor dalam menjalankan surohan2 dan meninggalkan tegahan2 Allah Ta'ala.

Demikian-lah antara lain sari tauladan hidup Rasulullah s.a.w. untok renongan kita.

— TAMAT —

— RALAT —

DALAM siri Seminar Dakwah Islamiah Belia minggu lalu di-muka 6, ruang 5, hendak-lah di-tambah pada para 2, baris 18, sa-lepas perkataan supaya; dengan ayat berikut: Baginda dan pengikut2-nya mati kebuloran. Pernah di- : . . . rachun.

Manakala para akhir baris 7 dari bawah perkataan 'Umar bin Al-Kahttab' hendak-lah di-tambah dengan perkataan Syedina.—Pengarang.

Jadual lawatan Perpustakaan Bergerak bagi 20hb. Feb. hingga 23hb. Feb. 1978

TEMPAT PERSINGGAHAN	TARIKH	HARI	MASA
Berakas English School (Bahagian Rendah)	*20.2.1978	Isnin	2.00- 3.00 petang
Berhadapan Kedai, Kampong Perpindahan	*20.2.1978	Isnin	3.30- 4.30 „
Sekolah Melayu Orang Kaya Besar Imas, Subok	21.2.1978	Selasa	8.30- 9.30 pagi
Sekolah Melayu Datu Mahawangsa, Lambak	21.2.1978	Selasa	10.30-11.30 „
Sekolah Melayu Dato Gandi	22.2.1978	Rabu	8.30- 9.00 „
Sekolah Melayu Serasa	22.2.1978	Rabu	10.00-10.30 „
Sekolah Melayu Mentiri	22.2.1978	Rabu	10.45-11.15 „
Sekolah Melayu Sultan Abdul Bubin, Sungai Besar	22.2.1978	Rabu	11.30-12.00 T/hari
Kawasan Rumah Ketua Kampong, Serasa	23.2.1978	Khamis	3.15- 4.15 petang
Kawasan Rumah Ketua Kampong, Masjid Lama, Muara	23.2.1978	Khamis	4.30- 5.30 „

* 20hb Februari — Chuti Hari Maulud.

PERLAWANAN BERGURAU DAN BERPALU GASING SA-CHARA PERSAHABATAN

KAMPONG KILANAS.—Satu perlawanan bergurau dan berpalu gasing sachara persahabatan antara Kampong Tanjong Bunut, Kilanas dengan Kampong Tanjong Nangka, Sengkurong, telah di-adakan bulan lalu di-sini.

Dalam perlawanan sachara persahabatan itu, Kampong Tanjong Bunut Kilanas telah menang dalam kedua2 perlawanan ia-itu bergurau dan berpalu.

Menurut sa-orang juruchakap yang nama-nya tidak mahu di-sebutkan, bahawa persediaan bagi perlawanan berpalu dan bergurau gasing bagi perengkat negeri akan di-adakan nanti.

Kata-nya, perlawanan tersebut mungkin di-adakan dalam bulan Jun atau Julai tahun ini ia-itu sempena Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei.

Di-tanya mengenai dengan ura2 hendak menubohkan Persatuan Gasing Amatur Negeri Brunei, beliau menyatakan, perbinchangan2 antara pemain2 dan peminat2 gasing untok menubohkan persatuan tersebut akan di-adakan dan terpulang-lah kapada sambutan dari mereka itu.

"Jika kita tidak mempunyai persatuan yang dimaksudkan itu, permainan gasing ini tidak boleh diketengahkan terutama dalam perlawanan perengkat negeri dan antara tiga wilayah, kerana tidak ada badan yang bertanggongjawab untok menganjorkan perlawanan itu," jelas-nya lagi.

Walau bagaimana pun, tambah-nya, sa-belum penubohan persatuan itu, ia-nya hendak-lah di-selideki terlebeh dahulu, dan kita tidak ingin melihat setelah persatuan itu di-tubohkan, ia-nya tidak bergerak sachara aktif atau hidup segan mati tak mahu.

Ketiga2 gambar ini menunjokkan perlawanan berpalu dan bergurau gasing yang telah di-adakan di-Mukim Kilanas antara Kampong Tanjong Bunut dengan Kampong Tanjong Nangka, Sengkurong.







Bolasepak, Labuan lawan Brunei

BANDAR SERI BEGAWAN.—Pejabat Laut dan Persatuan Bolasepak Amatur Labuan telah membuat kunjongan ka-Brunei pada minggu lepas. Lawatan tersebut bertujuan untok mengeratkan lagi tali silaturahim antara belia2 Labuan dengan belia2 Brunei.

Dalam siri lawatan mereka sa-lama tiga hari itu, mereka telah mengadakan beberapa perlawanan bolasepak persahabatan dengan pasokan2 tempatan.

Pada hari pertama, Pejabat Laut Labuan (Johan Liga Labuan) telah mengalahkan Johan Piala Liga Brunei, INDERA dengan tiga gol berbalas satu. Sementara pada hari kedua SEKATA telah menewaskan Persatuan Bolasepak Amatur Labuan dengan empat gol berbalas satu.

KAN-HAL KITANI...

* Apa ada minggu ani, Ngah ?
† Ka-Pertanian Sinaut kitani !
* Apa ada di-sinatu ?
† Maliat bisdia membuat perchubaan2.
* Perchubaan2 saja, inda jua jadi ! !
† Atu-tah Pehin Isa batanya, Apa sudah jadi . . . ? ? ?

Jawatankuasa Persatuan Pengadil Bolasepak

BANDAR SERI BEGAWAN. — Persatuan Pengadil Bolasepak Negeri Brunei telah mengadakan Mashuarat Agong Tahunannya pada 15hb Januari, 1978 yang lalu di-Pusat Belia, Bandar Seri Begawan. Ahli2 Jawatankuasa Tertinggi persatuan tersebut telah pun di-lantek pada hari itu.

Ahli2 Jawatankuasa Tertinggi Persatuan Pengadil Bolasepak Negeri Brunei pada tahun 1978/1979 ada-lah saperti berikut:—

Dato Paduka Awg Haji Abdullah bin Haji Md Jaafar, Pegawai Daerah Belait, sa-bagai Pengerusi; Penolong Pengerusi, Awg Johari Haji Awang, sa-orang Pegawai Kanan dari Pejabat Pelajaran. Awg Stephen Hendriks menjadi Setia Usaha Agong dan Penolong Setia Usaha Agong, Pengiran Yusof bin Pg Bunut. Sa-orang Pegawai Belia dan Sokan, Awg Mohd Noor Abdullah telah di-lantek menjadi Bendahari.

Lima orang Ahli Jawatankuasa dan Wakil tiap2 daerah telah juga di-lantek. Mereka ada-lah:— Awg William Kirk dan Awg Saipon Laman, Daerah Brunei/Muara; Awg Morni Layon, Daerah Kuala Belait; Awg Othman Haji Ghazali, Daerah Tutong dan Awg Abdul Hamid Momin, Daerah Temburong.

Ada-lah di-fahamkan Pengadil2 Bolasepak seluroh Negeri Brunei diminta mendaftar semula dengan Persatuan ini. Borang permohonan pendaftaran boleh di-dapati dari wakil daerah masing2. Borang2 pendaftaran dan yuran2 hendak-lah di-kembalikan kapada wakil daerah masing2.

Satu gerakan nilaian pengadil2 bolasepak dengan tujuan di-naikkan taraf (class) akan di-adakan tidak lama lagi. Sa-siapa pengadil yang ingin hendak di-nilai boleh mengisi borang permohonan yang boleh di-dapati dari wakil daerah sendiri. Borang2 permohonan nilaian ini hendak-lah di-kembalikan kapada Awg Stephen Hendriks, Setia Usaha Agong, Persatuan Pengadil Bolasepak Negeri Brunei, di-Sekolah Inggeris Perdana Wazir, Kuala Belait.

Gerakan nilaian ini di-jalankan bergantong kapada kechepatan pendaftaran pengadil2 dan kerjasama pengadil itu sendiri, kerana sa-orang pengadil hendak-lah membuat permohonan jika ia hendak di-letak dalam kelas yang lebeh tinggi.

Bolasepak sempena lawatan Baginda Queen

BANDAR SERI BEGAWAN. — Satu perlawanan bolasepak telah di-adakan sempena lawatan Paduka Seri Baginda Queen Elizabeth II ka-Brunei pada tahun 1972 yang lalu.

Perlawanan di-adakan ia-lah antara Pasokan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dengan Pasokan Menteri Bertauliah. Perlawanan itu telah di-menangi oleh Pasokan Menteri Bertauliah dengan tiga berbalas dua gol.

Gol2 kemenangan itu telah di-jaringkan ketika separoh masa pertama. Sementara gol pertama Pasokan Kebawah DYMM telah di-jaringkan dalam separoh masa pertama dan gol kedua dalam separoh masa kedua.

Sementara itu Persatuan Kampong Saba PERKASA akan mengadakan perlawanan bolasepak. Tarikh tutop penyertaan ia-lah pada 11hb Mach.

Badan Hadrah DEWANA Kampong Saba pula akan menganjorkan perlawanan bolasepak 7 orang sa-pasokan dan tarikh tutop penyertaan ia-lah 1hb Mach akan datang.

Kedua2 perlawanan bolasepak anjoran PERKASA dan DEWANA ini ada-lah untok pendudok2 Kampony Ayer sahaja; sempena lawatan Baginda Queen ka-Brunei.

SIARAN BAHAGIAN MELAYU RADIO BRUNEI DI-PANCHARKAN MELALUI GELOMBANG2 SEDERHANA 517, 335 DAN 447 METER, SERTA GELOMBANG PENDEK 61 METER. SIARAN INI JUGA BOLEH DI-IKUTI MELALUI PERKHIDMATAN FM STEREO 92.3 MEGA-HERTZ BAGI DAERAH BRUNEI/MUARA DAN TEMBURONG SERTA 93.8 MEGA-HERTZ BAGI DAERAH2 TUTONG, SERIA DAN KUALA BELAIT.

SUSUNAN RANCHANGAN MINGGUAN RADIO

RABU

PAGI: 6.00—Tanda Waktu dan Lagu Kebangsaan Brunei; 6.03 — Susunan ranchangan di-bachakan; 6.05— Bachaan ayat2 suchi Al-Koran dan makna-nya; 6.30 — Madah dan lagu; 6.50 — Bingkisan hari ini; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita di-ikuti oleh Pimpinan Illahi, Membachakan waktu2 sembahyang; 7.10—Renongan bersama; 7.15—Hiboran sambil sarapan; 8.00—Sain dan perusahaan (SU); 8.30—Chitra Irama; 9.00—Dendang Antarabangsa; 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15 — Hiboran Selingan; 10.30 — Permintaan pagi Rabu; 11.30—Autograph pendengar. **T/HARI :** 12.00 — Tahu kah awda (SU) — Azan untok fardhu Dzohor; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00 — Apa kata mereka; 1.30 — Persembahan pancharagam (SU). **PETANG :** 2.00 — Siaran Melayu berhenti rehat. 5.02 — Harian Radio; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Irama di-senja; 6.00—Tafsir Al-Koran (SU) — Azan untok fardhu Magrib, di-ikuti oleh bachaan ayat2 Suchi Al-Koran; 6.50 — Bingkisan hari ini. **MALAM :** 7.00—Permintaan perajurit; 7.36—Mutiara Hikmat — Azan untok fardhu Isha; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; berita2 tempatan dalam bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — Selingan, 8.45 — Latar Belakang; 9.30 — Zikir Maulud; 10.00 — Tanda Waktu dan Rengkasan Berita, di-ikuti oleh Pimpinan Illahi; 10.10 — Senandong malam; 10.23 — — Do'a restu; 10.30 — Siaran Melayu di-tamatkan.

KHAMIS

PAGI: 6.00—Tanda Waktu dan Lagu Kebangsaan Brunei; 6.03 — Membachakan susunan ranchangan; 6.05—Bachaan ayat2 suchi Al-Koran dan makna-nya; 6.30 — Madah dan lagu; 6.50 — Bingkisan hari ini; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita di-ikuti oleh Pimpinan Illahi, Membachakan waktu2 sembahyang; 7.10—Renongan bersama; 7.15—Hiboran sambil sarapan; 8.15—Rampaian London; 8.30 — Dendang antarabangsa; 9.30 — Dendang sa-irama (SU); 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15 — Hiboran selingan; 10.30 — Taman Mekar (SU); 11.00 — Salam dari ku (SU); 11.30 — Rampaian irama. **T/HARI :** 12.00 — Selingkar Madah; 12.15 — Hiboran rampaian tengah hari, — Azan untok fardhu Dzohor; 12 45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00—Tahu Kah Awda (ulangan); 1.30 — Ragam Mudi Mudi. **PETANG :** 2.00 — Siaran Melayu berhenti rehat. 5.03—Harian Radio; 5.30—Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Suntingan Khutbah Jumaat; 6.00 — Rampaian di-senja — Azan untok fardhu Magrib, di-ikuti oleh bachaan ayat2 Suchi Al-Koran; 6.30—Bingkisan hari ini. **MALAM :** 7.00 — Hidayat; 7.30 — Permainan gambus — Azan untok fardhu Isha; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita, berita2 tempatan dalam bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — Selingan, 8.45 — Latar Belakang; 9.30 — Zikir Maulud; 10.00 — Tanda Waktu dan Rengkasan Berita, di-ikuti oleh Pimpinan Illahi; 10.10 — Senandong malam; 10.23 — — Do'a restu; 10.30 — Siaran Melayu di-tamatkan.

JUMAAT

PAGI: 6.00—Tanda Waktu dan Lagu Kebangsaan Brunei; 6.03 — Membachakan susunan ranchangan; 6.05—Bachaan ayat2 suchi Al-Koran dan Makna-nya; 6.30 — Madah dan lagu; 6.50 — Bingkisan hari ini; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita di-ikuti oleh Pimpinan Illahi, Membachakan waktu2 sembahyang; 7.10—Renongan bersama; 7.15—Dendang Suria; 8.00—Untok kaum tani; 8.30—Dunia pelajar/pelajaran dewasa di-udara; 9.00 — Apa pilehan awda; 9.30 — Tafsir Al-Koran; 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.10 — Soalan di-udara/apa pendapat awda; 10.30 — Kursus Al-Koran; 11.00 — Dari maikropon radio/foram di-udara; 11.30 — Hidayat (SU). **T/HARI :** 12.00 — Permainan gambus (SU); 12.30 — Menunaikan sembahyang fardhu Jumaat, siaran langsong dari Masjid Omar Ali Saifuddin; 1.15 — Irama padang pasir; 1.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.45 — Selingan irama; 2.00 — Belia zaman ini; 2.30 — Dari bintang ka-bintang; 3.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 3.10 — Kursus di-radio; 3.30 — Mutiara Hikmat (SU) — Azan untok fardhu Asar; 4.00 — Sumbangseh; 4.30 — Sajak dan irama; 5.03 — Harian Radio; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Irama Senja; 6.00 — Irama lagu2 asli — Azan untok fardhu Magrib, di-ikuti oleh bachaan ayat2 Suchi Al-Koran; 6.50 — Bingkisan hari ini. **MALAM :** 7.00 — Cherpen dan selokan-nya; 7.30 — Apa kata mereka (SU) — Azan untok fardhu Isha; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita, berita2 tempatan dalam bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — Selingan, 8.45 — Latar Belakang; 9.30 Zikir Maulud; 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita, di-ikuti oleh Pimpinan Illahi; 10.10 — Senandong ria; 10.23 — Do'a restu; 10.30 — Siaran Melayu di-tamatkan.

SABTU

PAGI: 6.00—Tanda Waktu dan Lagu Kebangsaan Brunei; 6.03 — Membachakan susunan ranchangan; 6.05—Bachaan ayat2 suchi Al-Koran dan Makna-nya; 6.30 — Madah dan lagu; 6.50 — Bingkisan hari ini; 7.00—Tanda Waktu dan Warta Berita di-ikuti oleh Pimpinan Illahi, Membachakan waktu2 sembahyang; 7.10—Renongan bersama; 7.15 — Soalan di-udara/apa pendapat awda (SU); 8.15 — Dendang antarabangsa; 9.15 — Majallah Commonwealth; 9.30 — Apa pilehan awda (SU); 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.10 — Selingan irama; 10.30 — Kursus di-radio (SU); 11.00—Hiboran pilehan; 11.30 — Dari bintang ka-bintang (SU). **T/HARI :** 12.00 — Peristiwa dunia minggu ini; 12.30 — Hiboran rampaian tengah hari — Azan untok fardhu Dzohor; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00 — Permintaan hari Sabtu. **PETANG :** 2.00 — Siaran Melayu berhenti rehat. 5.30 — Harian Radio; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Senandong lagu lama; 6.15 — Irama padang pasir — Azan untok fardhu Magrib, di-ikuti oleh bachaan ayat2 Suchi Al-Koran; 6.50 — Bingkisan hari ini. **MALAM :** 7.00 — Chitra irama (SU); 7.30 — Bertuturan (SU); — Azan untok fardhu Isha; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita, berita2 tempatan dalam bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — Selingan, 8.45—Latar Belakang; 9.30—Zikir Maulud; 10.00 — Tanda Waktu dan Rengkasan Berita, di-ikuti oleh Pimpinan Illahi; 10.10 — Senandong malam; 10.23 — Do'a Restu; 10.30 — Siaran Melayu di-tamatkan.

AHAD

PAGI: 6.00—Tanda Waktu dan Lagu Kebangsaan Brunei; 6.03 — Susunan ranchangan di-bachakan; 6.05— Bachaan ayat2 suchi Al-Koran dan makna-nya; 6.30 — Madah dan lagu; 6.50 — Bingkisan hari ini; 7.00—Tanda Waktu dan Warta Berita, di-ikuti oleh Pimpinan Illahi, Membachakan waktu2 sembahyang; 7.10 — Renongan bersama; 7.15 — Dendang Suria; 8.00 — Majallah Radio/Meninjau Sambil Lalu; 8.30 — Mari berpantun; 9.00 — Keluarga Si-Awang; 9.30 — Taman Mekar; 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15 — Surat dari London; 10.30 — Permainan Pancharagam; 11.00 — Dunia Wanita; 11.30 — Hello siapa di-sana; **T/HARI :** 12.00 — Sandiwara radio; 12.30 — Rampaian tengah hari — Azan untok fardhu Dzohor; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00 — Pesta ria; 1.30 — Bualan minggu ini. **PETANG:** 2.15 — Mutika; 2.45—Hiboran Berita; 3.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 3.10 — Bertuturan (ulangan); — Azan untok fardhu Asar; 3.45 — Arena sokan; 4.15 — Keluarga jaya 4.45 — Cherpen dan selokan-nya (SU); 5.15 — Harian Radio; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45—Mari-lah Melanchong; 6.15 — Persembahan aneka instrumental — Azan untok fardhu Magrib, di-ikuti oleh bachaan ayat2 Suchi Al-Koran; 6.50 — Bingkisan hari ini. **MALAM :** 7.00 — Suara parajurit — Azan untok fardhu Isha; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita, berita tempatan dalam bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — Selingan; 8.45 — Latar Belakang; 9.30 — Zikir Maulud; 10.00 — Tanda Waktu dan Rengkasan Berita, di-ikuti oleh Pimpinan Illahi; 10.10 — Senandong malam; 10.23 — Do'a restu; 10.30 — Siaran Melayu di-tamatkan.

ISNIN

PAGI: 6.00—Tanda Waktu dan Lagu Kebangsaan Brunei; 6.03 — Susunan ranchangan di-bachakan; 6.05— Bachaan ayat2 suchi Al-Koran dan makna-nya; 6.30 — Madah dan lagu; 6.50 — Bingkisan hari ini; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita di-ikuti oleh Pimpinan Illahi, Membachakan waktu2 sembahyang; 7.10 — Renongan bersama; 7.15 — Dendang Suria; 8.00 — Peristiwa dunia minggu ini (SU); 8.30 — Dendang antarabangsa; 9.30 — Sain dan perusahaan (BBC); 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15 — Berdendang dengan ku; 10.30 — Suara parajurit (SU); 11.30 — Senandong irama. **T/HARI :** 12.00—Brunei Darussalam (SU); 12.15—Hiboran rampaian tengah hari; — Azan untok fardhu Dzohor; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00 — Keluarga jaya (SU); 1.30 — Permintaan jiran tetangga. **PETANG :** 2.00 — Siaran Melayu berhenti rehat. 5.02 — Harian Radio; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Hiboran di-senja; 6.15 — Irama padang pasir — Azan untok fardhu Magrib, di-ikuti oleh bachaan ayat2 Suchi Al-Koran; 6.50 — Bingkisan hari ini. **MALAM :** 7.00 — Arena sokan (SU); 7.30 — Keluarga Si-Awang (SU) — Azan untok fardhu Isha; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita, berita2 tempatan dalam bahasa Dusun dan Iban; 8.30 —Selingan; 8.45 — Latar Belakang; 9.30 — Zikir Maulud; 10.00—Tanda Waktu dan Rengkasan Berita, di-ikuti oleh Pimpinan Illahi; 10.10 — Senandong malam; 10.23 — Do'a Restu; 10.30 — Siaran Melayu di-tamatkan.

SELASA

PAGI: 6.00—Tanda Waktu dan Lagu Kebangsaan Brunei; 6.03 — Membachakan susunan ranchangan; 6.05—Bachaan ayat2 suchi Al-Koran dan makna-nya; 6.30 — Madah dan lagu; 6.50 — Bingkisan hari ini; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita di-ikuti oleh Pimpinan Illahi, Membachakan waktu2 sembahyang; 7.10—Renongan bersama; 7.15—Hiboran sambil sarapan; 8.00—Dunia wanita (SU); 8.30 — Dendang antarabangsa; 9.30—Rampaian London (SU); 9.45—Hiboran Pilehan; 10.00—Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15—Senandong ria; 10.30 — Serbanika Persembahan (SU); 11.00 — Majallah radio/meninjau sambil lalu; 11.30 — Pusparagam; **T/HARI :** 12.00 — Cheramah minggu ini; — Azan untok fardhu Dzohor; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00 — Persembahan ku; 1.30 — Pelajaran dewasa di-udara/dunia pelajar (SU). **PETANG :** 2.00—Siaran Melayu berhenti rehat. 5.02 — Harian Radio; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Persembahan Aneka Instrumental — Azan untok fardhu Magrib, di-ikuti oleh bachaan ayat2 suchi Al-Koran; 6.50 — Bingkisan hari ini. **MALAM :** 7.00 — Bualan minggu ini (SU); 7.30 — Salam dari ku — Azan untok fardhu Isha; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita, berita2 tempatan dalam bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — Selingan; 8.45—Latar Belakang; 9.30 — Zikir Maulud; 10.00—Tanda Waktu dan Rengkasan Berita, di-ikuti oleh Pimpinan Illahi; 10.10 — Senandong malam; 10.23 — Do'a restu; 10.30 — Siaran Melayu di-tamatkan.

PENOLONG Pengawal Radio Talivishen Brunei, Awang Mohd. Salleh Kadir sedang menyampaikan uchapan di-Majlis Pembukaan Rasmi perjumpaan Kumpolan Penulis2 Tanah Ayer yang di-adakan baru2 ini, atas anjoran Radio Talivishen Brunei.

Perjumpaan Bengkel Penulis2 yang pertama, akan di-adakan pada 19hb Februari, 1978, hari Ahad di-Dewan Peringatan Churchill pukol 10.00 pagi bagi penulis2 berbahasa Melayu, dan pada 26hb Februari, 1978 bagi penulis berbahasa Inggeris.

DAYANG Andrey Rose Gukang, (gambar atas) yang beralamat No. 3 Desa Seri menanti Selapon D, Batu Apoi, Temburong, ada-lah tetamu kita yang akan memenohi ruangan Apa Pilehan Awda minggu ini.

Lagu2 pilehan Dayang Andrey akan dapat di-dengar pada hari Jumaat, 17hb Februari, 1978 jam 9.00 pagi, dan siaran ulangan-nya pada hari Sabtu, jam 9.30 pagi.

APA PENDAPAT AWDA

Apa pendapat yang memenangi tempat pertama. Tajok-nya: Perchakaran sa-sama sendiri, ada-lah lebeh banyak menguntongkan orang lain.

Perchakaran atau perkelahian ada-lah satu2-nya perbuatan yang tidak baik, tambah2 lagi kalau ia-nya berlaku kapada masharat yang sa-bangsa, sa-ugama dan sa-negara, kerana perbuatan begini ada-lah banyak mendatangkan kerugian kapada bangsa dan negara itu sendiri, kerana segala projek untok pembangunan negara dan juga pentadbiran kerajaan tidak dapat di-laksanakan dengan sempurna-nya di-sebabkan tidak ada persefahaman di-antara semua pehak yang berkenaan.

Jadi, oleh yang demikian ini sudah tentu di-dalam masharakat itu tidak ada sebarang persatuan yang boleh mengembelingkan semua tenaga fizikal dan mental untok kemajuan bangsa dan negara itu sendiri. Akibat-nya bangsa dan negara itu sendiri akan menghadapi kemunduran dari segala segi pembangunan-nya. Dan kesan dari keadaan begini-lah selalu-nya akan memberikan peluang kapada anasir2 asing atau jahat untok menyibarkan lagi pengaroh2 jahat-nya, untok mengelirukan lagi pemikiran raayat yang sudah kachau itu.

Dan, bila keadaan begini berlaku, saya rasa tidak sesiapa pun yang boleh menyangkal-nya, bahawa sa-sebuah negara itu akan mengalami kehanchoran, dan ini sudah tentu akan memberikan peluang kapada orang lain untok menchampori dan menyelesaikan segala urusan pentadbiran kerajaan negara itu.

Maka memang-lah benar, bahawa perchakaran sa-sama sendiri, ada-lah lebeh banyak menguntongkan orang lain.

Hasil tulisan Awang Guan bin Atau, Perpustakaan, Dewan Bahasa dan Pustaka, Chawangan Tutong.

DAN tv BRUNEI

Pehak Radio Talivishen Brunei berhak untok menukar mana2 jua ranchangan yang di-fikirkan perlu tanpa memberi tahu terlebeh dahulu.

RABU — 15HB. FEBRUARI,

PETANG
5.45 PEMBUKAAN/SUSUNAN RANCHANGAN
5.48 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
6.00 RENGKASAN BERITA
6.02 THE NEW TOM AND JERRY SHOW
6.28 WILD, WILD WORLD OF ANIMALS — "Sea Lion"
6.38 AZAN MAGHRIB
6.42 WILD, WILD WORLD OF ANIMALS — sambongan

MALAM
7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.10 RICH MAN, POOR MAN — Episode kelima
Kelahiran anak lelaki Tom merasakan paling bahagia bagi Tom sementara Rudy dengan perniagaannya kian bertambah maju dan ini membuat dia bertemu dengan Julie Prescott.
8.00 DOCTOR AT LARGE
8.30 WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU
8.45 LATAR BELAKANG
9.15 MAJLIS PERBINCHANGAN —
9.45 SHOW OF THE WEEK : "Nana Mouskouri"
10.35 RUGBY — Highlights
England v. Wales
Scotland v. France.
11.20 SIARAN TAMAT.

KHAMIS — 16HB. FEBRUARI,

PETANG
5.45 PEMBUKAAN/SUSUNAN RANCHANGAN
5.48 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
6.00 RENGKASAN BERITA
6.02 THE BATFINK SHOW
6.28 THE MUPPET SHOW
6.38 AZAN MAGHRIB
6.42 THE MUPPET SHOW — sambongan

MALAM
7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.10 THE HIGH CHAPARRAL — "The Doctor From Dodge"
8.00 PLAY SQUASH JONAH'S WAY "Defence"
Siri terakhir yang menunjokkan bagaimana bermain "Squash" dengan baik oleh Jonah Barrington. "The Drop Shot"
8.30 WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU
8.45 LATAR BELAKANG
9.15 HIDAYAT
9.45 TAYANGAN FILEM MELAYU, Cherita bertajok, "Orang Minyak"
11.25 SIARAN TAMAT.

JUMAAT — 17HB. FEBRUARI,

PETANG
5.15 PEMBUKAAN/SUSUNAN RANCHANGAN
5.17 CHOMEL DAN CHOMAT — "Moon"
5.30 HERE'S MUMFIE — "Uncle Samuel Disappears"
5.48 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
6.00 RENGKASAN BERITA
6.02 MURAI
6.30 SKIPPY THE BUSH KANGAROO
6.38 AZAN MAGHRIB
6.42 SKIPPY THE BUSH KANGAROO sambongan

MALAM
7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.10 INTERNATIONAL POP PROMS
8.00 THE DICK EMERY SHOW
8.30 WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU
8.45 LATAR BELAKANG
9.15 SEKITAR TANAH AYER
9.35 TRIBAL EYE "Across the Frontiers" Siri terakhir bagi episode ini.
10.25 MYSTERY MOVIE : "McCloud Meets Dracula"
11.55 SIARAN TAMAT.

SABTU — 18HB. FEBRUARI,

PETANG
5.45 PEMBUKAAN/SUSUNAN RANCHANGAN
5.48 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
6.00 RENGKASAN BERITA
6.02 SESAME STREET
6.38 AZAN MAGHRIB
6.42 SESAME STREET — sambongan

MALAM
7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.10 THE NEW AVENGERS — "Dead Men Are Dangerous"
8.00 MUSIK DARI STUDIO B
Penyanyi jemputan minggu ini ia-lah Cliff Richard, Mary Christy dari Luxembourg.
8.30 WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU
8.45 LATAR BELAKANG
9.15 BISTARI
9.45 BINTANG BOLA SEPAK
10.35 TAYANGAN MALAM SABTU : "Warning Shot"
11.55 SIARAN TAMAT.

AHAD — 19HB. FEBRUARI,

PETANG
5.15 PEMBUKAAN/SUSUNAN RANCHANGAN
5.17 CHOMEL DAN CHOMAT — "Spells"
5.30 THE MAGIC BALL "The Chimney Sweep"
5.48 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
6.00 RENGKASAN BERITA
6.02 NEW, SCOOBY DOO — "Scooby Doo Where's The Crew?"
6.30 DON'T ASK ME
6.38 AZAN MAGHRIB
6.42 DON'T ASK ME — sambongan

MALAM
7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.10 BIONIC WOMAN — "Max". Sa-ekor anjing bionik bernama Max telah di-cholek sementara Jaime Sommers berada di-rumah sakit dan tidak dapat berbuat apa2.
8.00 WILDLIFE IN CRISIS
8.30 WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU
8.45 ASHRAQAL
9.15 MUTIKA
9.35 DRAMA : "Eleanor and Franklin" — Bahagian pertama.
11.35 SIARAN TAMAT.

ISNIN — 20HB. FEBRUARI,

TAMBAHAN RANCHANGAN KERANA MENYAMBUT MAULUD NABI MUHAMMAD S.A.W.

PAGI
8.10 PEMBUKAAN
8.15 SIARAN TERUS MENERUS YANG DI-ADAKAN DI-PADANG BESAR, BANDAR SERI BEGAWAN
10.30 PANORAMA TANAH AYER
11.00 DRAMA : "Dr. Abadi"
12.00 SIARAN TAMAT.

PETANG
5.45 PEMBUKAAN/SUSUNAN RANCHANGAN
5.48 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
6.00 RENGKASAN BERITA
6.02 RETURN TO THE PLANET OF THE APES — "Screaming Wings"
6.28 BIG BLUE MARBLE
6.38 AZAN MAGHRIB
6.42 BIG BLUE MARBLE — sambongan

MALAM
7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.10 CHARLIE'S ANGELS — Siri terakhir bagi episode ini.
8.00 SERIKANDI
8.30 WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU
8.45 PETIKAN ACHARA SAMBUTAN MAULUD
9.45 DRAMA BERCHORAK UGAMA
Cherita bertajok, "Benderang Di-Kota Mekah"
10.45 HAWAII FIVE O — "Murder is a Taxing Affairs"
Sa-orang ejen chukai federal yang kerap menerima rasuah menunjokkan peluang terakhir bagi-nya untok menchari kekayaan.
11.45 POLDARK — Episode ke-14.
12.20 SIARAN TAMAT.

SELASA — 21HB. FEBRUARI,

PETANG
5.45 PEMBUKAAN/SUSUNAN RANCHANGAN
5.48 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
6.00 RENGKASAN BERITA
6.02 SESAME STREET
6.38 AZAN MAGHRIB
6.42 SESAME STREET — sambongan

MALAM
7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.10 NANCY DREW/HARDY BOYS MYSTERIES
8.00 THE ANDY WILLIAM SHOW
8.30 WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU
8.45 SEKITAR TANAH AYER
9.05 KOJAK — "A Hair Trigger Away"
9.55 TANDARRA "The Brothers"
10.45 SIARAN TAMAT.

Majlis Perbinchangan malam ini akan membinchangkan mengenai "Kesan Pengaroh Dadah". Tiga orang penal undangan yang terdiri dari Yang Berhormat Awang Abdul Latif bin Awang Abdul Hamid, ASP Pengiran Hamzad bin Pengiran Haji Ismail dan Pengiran Haji Mohammad Yassin bin Pg. Othman (gambar atas) akan membinchangkan mengenai tajok tersebut.

RADIO ENGLISH PROGRAMMES

WEDNESDAY

AM: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30—Close Down. 11.00 — Opening Announcement—Lunch Music. NOON: 12.00 — Melody Time (repeat). PM: 12.30 — News; 12.45 — Interlude; 1.00 — Close Down. 8.30 — Opening Announcement — My Music; 8.30 — Midweek Greetings by Nafisah Haji Ali; 9.15 — News; 9.30 — Dateline; 10.00 — Jazz Club — hosted by Tajul Ahmad; 10.30 — Close Down.

THURSDAY

AM: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30—Close Down. 11.00 — Opening Announcement — Thursday's Bandwagon — we invite you to hop aboard our non-stop musical express. NOON: 12.00 — My Music (repeat). PM: 12.30 — News; 12.45 — Rock Line; 1.00 — Close Down. 8.00 — Opening Announcement — The Young Sounds with Tajul Ahmad; 8.30 — "Our Brunei" produced by Evelyn Samuel; 9.00 — Sports Magazine; 9.15 — News; 9.30 — International Call; 10.00 — Music For Easy Listening with Sheikh Abbas; 10.30 — Close Down.

FRIDAY

AM: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30—Close Down. 11.00—Opening Announcement—Tajul Ahmad Calling On You; NOON: 12.00—Our Brunei (repeat). PM: 12.30—News; 12.45 — International Money Programme; 1.00—Close Down. 8.00—Opening Announcement—Talking About Music; 8.30 Light Music From The Netherlands; 8.45 — Listener's Digest produced by Vivien Cheong; 9.15 — News; 9.30 — BBC World Report; 9.45 — The Morecambe and Wise Show; 10.15 — A Date with . . .; 10.30 —Close Down.

SATURDAY

AM: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30—Close Down. 11.00 — Opening Announcement — Talking About Music (repeat); 11.30—Women's World produced by Evelyn Samuel; NOON: 12.00 — The Best of Clitheroe (repeat); 12.30 — News; 12.45 — Agriculture—Key To Living; 1.00 — Close Down. 8.00 — Opening Announcement — Top of The Pops; 8.30 — Just For Variety; 9.00 — Your World; 9.15 — News; 9.30 — Saturday Mail Bag presented by Charan Chand; 10.30 — Close Down.

SUNDAY

AM: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement — Children's Half Hour with Veronica Shim; 11.30—Top of The Pops (repeat). NOON: 12.00 — The Morecambe and Wise Show (repeat); 12.30—News; 12.45—World of Education; 1.00—Close Down. 8.00—Opening Announcement—Home To Roost; 8.30—Be My Guest—introduced by Charan Chand; 9.00—Significance of Maulud — Prophet Mohammad's Birthday; 9.15—News; 9.30—Concert Hour presented by Hajjah Zainah; 10.30 — Close Down.

MONDAY

AM: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30—Close Down. 11.00 — Opening Announcement — Music-Go-Round . . . an uninterrupted programme of music and songs for your listening pleasure. NOON: 12.00 — Home To Roost (repeat); 12.30 — News; 12.45 — Feature on Prophet Mohammad's Birthday; 1.00 — Close Down. 8.00 — Opening Announcement — Monday's Night Mail presented by Hajjah Zainah; 8.45 —The Best of Clitheroe; 9.15—News; 9.30—Sixty Minute Theatre: "Savage" by Christopher Hampton; 10.30 — Close Down.

TUESDAY

AM: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30—Close Down. 11.00 — Opening Announcement— Housewives' Special. NOON: 12.00 — Be My Guest (repeat); PM: 12.30 — News; 12.45 — Science Journal; 1.00 — Close Down. 8.00 — Opening Announcement — Stereo Pop Special Featuring "Kiki Dee" Side 2"; 8.30 — It's All Yours produced by Veronica Shim; 9.15 — News; 9.30—Hello Tomorrow; 10.00—Hits In Germany; 10.30 — Close Down.

PAMERAN SENI LUKIS DAN PERTUKANGAN SEKOLAH2 RENDAH

BANDAR SERI BEGAWAN.—Peraduan pameran Seni-lukis dan Pertukangan-tangan Bagi Sekolah2 Rendah dan Persediaan Inggeris Kerajaan kali yang ketiga-belas akan di-adakan di-semua daerah negeri ini pada tarikh2 yang belum di-tetapkan.

Satu kenyataan yang di-keluarkan dalam Surat Keliling Jabatan Pelajaran minggu ini berkata pameran tersebut akan di-lanjutkan ka-perengkat negeri yang akan di-adakan di-Bandar Seri Begawan bagi lukisan2 dan hasil2 kerjatangan yang berjaya di-perengkat daerah.

Pameran itu akan terbuka kapada semua murid2 sekolah2 rendah dan persediaan Inggeris di-mana ianya terbahagi kapada tiga kumpolan ia-itu : Bagi murid2 sekolah rendah Kumpolan 'A' terbuka kapada murid2 yang berumor 6 hingga 7 tahun; Kumpolan 'B' bagi mereka yang berumor 8 hingga 9 tahun dan Kumpolan 'C' untok murid2 yang berumor 10 hingga 12 tahun ka-atas.

Manakala untok murid2 persediaan Inggeris pula, Kumpolan 'A' khas bagi murid2 Prep I; Kumpolan 'B' bagi murid2 Prep II dan Kumpolan 'C' ia-lah bagi murid2 Prep III.

Sa-ramai sembilan orang guru besar di-seluroh negeri telah di-lantek oleh Jabatan Pelajaran sa-bagai pengerusi/pengelola bagi pameran tersebut ia-itu guru2 besar SM. Pusar Ulak, bagi Brunei I; SM. Delima Satu bagi Brunei II; SM. OKBI, Subok bagi Brunei III; SM. Sinaut bagi Tutong I; SM. Danau bagi Tutong II; SM. Sultan Hassan, Bangar bagi Daerah Temburong; SM. Muhammad Alam, Seria bagi Daerah Belait; SM. Kiudang bagi Persediaan Inggeris Tutong dan Belait dan SM. HMS. Sungai Hanching bagi Persediaan Inggeris Brunei-Muara dan Temburong.

Pengambilan rekrut Pulis

BANDAR SERI BEGAWAN.— Pasokan Pulis Diraja Brunei maseh memerlukan pemuda2 untok berkhidmat dengan pasokan itu sa-bagai anggota Pulis.

Pemohon2 yang terpileh akan menjalani latehan asas sa-lama enam bulan di-Pusat Latehan Pulis Jalan Muara yang akan bermula dalam pertengahan bulan Mach depan.

Pemohon2 mesti-lah raayat Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan yang maseh bujang atau pun beristeri. Berumor di-antara 18 dan 28 tahun dan tinggi sekurang2-nya 5 kaki 2 inchi serta berbadan sehat. Kelulusan maksima untok di-terima memasoki perkhidmatan ini ia-lah Darjah VI Melayu atau Inggeris.

Gaji permulaan bagi sa-orang rekrut ia-lah $325.00 sa-bulan dan $100.00 sa-bagai alaon. Sa-telah menamatkan latehan, gaji dan alaon mereka akan di-naikkan sa-banyak $525.00.

Pemuda2 yang berhajat untok memasoki perkhidmatan tersebut hendak-lah hadhir untok di-temuduga pada tarikh dan tempat2 saperti di-bawah :

Balai Pulis Bandar Seri Begawan pada hari ini, 15hb Februari mulai jam 8.00 pagi dan 2.00 petang.

Di-Balai Pulis Tutong pada hari esok, 16hb Februari jam 9.00 pagi dan di-**Balai Pulis Lamunin** pada hari yang sama mulai jam 2.00 petang.

Di-Balai Pulis Kuala Belait pada 18hb Februari mulai jam 9.00 pagi dan pada hari yang sama di-**Balai Pulis Seria** jam 2.00 petang.

Di-Balai Pulis Temburong pada 20hb Februari mulai jam 9.00 pagi dan 2.00 petang.

Imam Masjidil Haram, Mekah melawat Brunei

MAJLIS Belia2 Negeri Brunei akan menerima satu rombongan tetamu kehormat dari Pertubohan Belia2 Islam Sa-Dunia pada hari Khamis esok, 16hb Februari yang antara lain termasok dalam rombongan itu ia-lah Sheikh Abdul Aziz, Imam dan Khatib Masjidil Haram, Mekah, Saudi Arabia dan Penolong Setiausaha Agong WAMY, Dr. Ahmad Totongi.

Dalam ranchangan yang telah di-susun oleh MBB, Sheikh Abdul Aziz dan rombongan akan bersembahyang Maghrib berjemaah di-Masjid Omar Ali Saifuddin pada petang esok. Sa-lepas itu akan di-ikuti dengan satu cheramah oleh beliau sa-belum menunaikan sembahyang Isha berjemaah.

Dari itu ada-lah di-pohonkan dengan segala hormat-nya sekalian kaum muslimin untok berkunjong beramai2 ka-masjid Omar Ali Saifuddin untok mendengar cheramah beliau itu.

Sheikh Abdul Aziz dan rombongan di-jangka berangkat balek pada hari Jumaat.

SA-ROMBONGAN 30 orang Pegawai Pengembangan Pertanian dari ke-empat2 daerah di-negeri ini telah mengadakan lawatan ka-Pusat Penyelidekan Tanaman Padi di-Mulaut dan Kilanas pada 4hb Februari lalu.

Lawatan tersebut di-sertai oleh Pegawai Pertanian Bahagian Pengembangan, Awg Abu Bakar bin Abdul Rahman dan Pengawas2 daerah serta Pegawai yang di-tugaskan di-kampong2 mereka.

Tujuan lawatan itu ia-lah untok mengetahui dan menyaksikan sa-chara dekat mengenai penyelidekan dua jenis tanaman padi yang boleh hidup subor dan berhasil di-tanah yang kurang baik. Padi2 itu ia-lah Padi Galoh dan Seri Malaysia. Pelawat2 itu telah di-fahamkan bahawa penyelidekan itu sa-takat ini nampak baik dan memuaskan pada tempat2 tanaman yang di-tabor dengan kapor sa-banyak 2,000 paun dalam sa-ekar.

Gambar menunjokkan pelawat2 tersebut ketika mendengar penerangan dalam lawatan mereka ka-pusat berkenaan. (Gambar ehsan Jabatan Pertanian).

Pendudok bertambah

BANDAR SERI BEGAWAN. — Satu kenyataan yang di-keluarkan oleh Yunit Peranchang Ekonomi berkata bahawa jumlah bilangan pendudok Brunei di-akhir bulan Jun, 1977 yang lalu ia-lah sa-ramai 190,360 orang ia-itu bertambah sa-banyak 13,000 daripada bilangan anggaran pendudok bagi tahun 1976.

Pengarah Yunit Peranchang Ekonomi, Dayang Hajjah Jusnani bte Haji Lawie berkata, tambahan itu ada-lah di-sebabkan atas kedatangan pekerja2 asing untok bekerja di-negeri ini dalam berbagai projek di-bawah Ranchangan Kemajuan Negara yang di-mulakan dalam tahun 1975.

Menurut laporan itu jumlah kelahiran juga bertambah sa-banyak 13 peratus. Bilangan orang2 lelaki maseh lagi mengatasi bilangan orang perempuan dan lebeh dari sa-paroh bilangan pendudok Brunei tinggal di-Daerah Brunei/Muara dan sa-bahagian besar lagi di-Daerah Belait.

Sa-banyak 57 peratus daripada jumlah pendudok ada-lah bangsa Melayu; 24 peratus bangsa China; 11 peratus puak asli Brunei dan enam peratus lagi ada-lah lain2 bangsa.

SA-BUAH drama akan di-tayangkan di-RTB, khas untok menyambut hari keputeraan junjongan kita Nabi Muhammad s.a.w. yang akan di-sambut dengan penoh kebesaran pada hari Isnin 20hb Februari ini.

Cherita bertajok Benderang Di-Kota Mekah mengesahkan perjuangan Rasulullah, menegakkan shi'ar dan menerangkan sinar chahaya Ugama Islam di-benua Arab. Dan bagaimana pula sukar-nya, kerana baginda telah di-tentang hebat oleh musoh2-nya, hingga beberapa kali nyawa baginda terancam.

Cherita ini di-tulis oleh Y.B. Pehin O.K. Ratna Diraja Dato Seri Utama Awang Haji Mohd Zain bin Haji Serudin.

Gambar atas kelihatan salah satu adigan dalam drama tersebut.

Perpustakaan DBP

TEMBURONG. — Perpustakaan Dewan Bahasa dan Pustaka di-Daerah Temburong telah memulakan perkhidmatan-nya di-bangunan baru berhadapan dengan Jabatan Pertanian di-Pekan Bangar. Perpustakaan itu di-buka pada tiap2 hari Isnin hingga Khamis dan Sabtu mulai jam 9.00 pagi hingga 12.00 tengah hari dan dari jam 1.00 hingga 5.00 petang.

Orang ramai yang berminat untok menjadi ahli perpustakaan itu boleh-lah berhubong dengan pegawai2 perpustakaan tersebut.

Harga barang2

SAPERTI biasa di-bawah ini di-chatetkan beberapa jenis barang2 bersama dengan harga runchit yang telah di-persetujui oleh Pengawal Harga bagi panduan orang ramai saperti berikut : —

JENIS BARANG2			HARGA RUNCHIT	
Ribena Blackcurrant Juice :				
a) Ribena (Giant Size)	—	1,000 ml.	$ 7.50	sa-botol
b) Ribena (Economy)	—	750 ml.	$ 5.80	,, ,,
c) Ribena (Family)	—	500 ml.	$ 4.10	,, ,,
d) Ribena (Standard)	—	325 ml.	$ 3.00	,, ,,
Nan	—	1 kg.	$11.50	sa-tin
	—	500 gms.	$ 6.75	,, ,,
Pelargon	—	2 kg.	$16.15	,, ,,
	—	1 kg.	$ 8.50	,, ,,
	—	500 gms.	$ 4.50	,, ,,
Gluco-B	—	1 lb.	$ 2.40	,, ,,
Falcon Brand Processed Cheddar Cheese	—	8 ozs.	$ 1.70	sa-bgks
Lactogen With Honey/ Lactogen Full Protein	—	2 kg.	$12.40	sa-tin
	—	1 kg.	$ 6.45	,, ,,
Everyday Standard	—	2 kg.	$10.60	sa-tin
	—	1 kg.	$ 5.65	,, ,,
Everyday Instant	—	1 kg.	$ 6.75	,, ,,
SMA Milk Powder :				
SMA	—	1 kg.	$13.70	,, ,,
	—	500 gms.	$ 7.00	,, ,,
	—	2½ lbs.	$12.50	,, ,,
	—	1 lb.	$ 5.50	,, ,,
S 26	—	1 kg.	$14.10	,, ,,
	—	500 gms.	$ 7.30	,, ,,
	—	2½ lbs.	$13.00	,, ,,
	—	1 lb.	$ 5.80	,, ,,
Daisy Margarine :				
Daisy Margarine	—	35 lbs.	$33.00	,, ,,
	—	5 lbs.	$ 6.40	,, ,,
	—	2 lbs.	$ 2.75	,, ,,
	—	1 lb.	$ 1.50	,, ,,
	—	10 ozs.	$ 1.00	,, ,,
Coffee-Mate Cornation Brand	—	1 kilo	$ 7.80	,, ,,
	—	500 gms.	$ 5.80	sa-botol
	—	1 lb.	$ 3.30	sa-bgks
Cauliflower "Vincit"	—	800 gms.	$ 2.60	sa-tin
,, "Molinera"	—	1 lb.	$ 1.30	,, ,,
Bertolli Olive Oil	—	17½ ozs.	$ 5.20	sa-botol
	—	8 ozs.	$ 3.00	,, ,,
Mazola Corn Oil	—	1½ qt.	$ 9.40	,, ,,
	—	1 qt.	$ 6.10	,, ,,
	—	1 pt.	$ 3.80	,, ,,
Bronte Corned Beef	—	12 ozs.	$ 2.90	sa-tin
,, ,, Mutton	—	12 ozs.	$ 2.90	,, ,,
Imperial Corned Beef	—	12 ozs.	$ 3.30	,, ,,
Clover ,, ,,	—	12 ozs.	$ 2.80	,, ,,
Herford ,, ,,	—	12 ozs.	$ 3.00	,, ,,
Royal Baking Powder	—	1 lb.	$ 3.00	,, ,,
	—	8 ozs.	$ 1.70	,, ,,
	—	4 ozs.	$ 1.00	,, ,,
Royal Custard Powder	—	1 lb.	$ 2.30	,, ,,
	—	12 ozs.	$ 1.90	,, ,,
Butter Cookies (Royal Dansk Brand)	—	2 lbs.	$11.00	,, ,,
	—	1 lb. 6 ozs. (22 ozs)	$ 9.00	,, ,,
	—	1 lb.	$ 5.50	,, ,,

DI-TERBITKAN OLEH BAHAGIAN PENERANGAN, JABATAN SETIA USAHA KERAJAAN DAN DI-CHETAK OLEH JABATAN PERCHETAKAN KERAJAAN BRUNEI.